**Ibu Emas dihargai** MS 3



**'Cikgu Azmi' tokoh Maulidur Rasul** MS 4



**Tahniah MPPP** MS 25


PERCUMA

buletin **Mutiara**




www.buletinmutiara.com

1 – 15 JANUARI 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# RM1.5 juta bantu mangsa-mangsa banjir

Gambar: **LAW SUUN TING & Facebook YB**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri menyumbang RM1.5 juta bagi Bantuan Pengurusan Banjir sebagai bantuan kemanusiaan kepada mangsa -mangsa banjir baru-baru ini susulan mendapat arahan daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, RM500,000 daripada jumlah bantuan tersebut berupa barang keperluan seperti susu tepung, tuala wanita dan air bersih dihantar serta-merta melalui tanggungjawab sosial korporat pesawat penerbangan, *Firefly*.

Manakala misi konvoi kemanusiaan kedua, 'Selamatkan Kuala Krai, Misi Konvoi 4WD 24 Jam Pulau Pinang' (Misi Konvoi 4WD) melalui jalan darat, kata beliau, tiba ke kawasan Parlimen Kuala Krai pada 1 Januari lepas.

"Sumbangan telahpun dipindahkan ke satu akaun amanah atas arahan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng demi membantu mangsa banjir di Kelantan," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu turut melahirkan rasa kesal dengan laporan berita palsu yang dimuat naik pada dinding *facebook*, "*Friends of BN*" pada 27 Disember tahun lepas, kononnya pemberian RM1.5 juta tersebut adalah tidak sah memandangkan Guan Eng masih bercuti di luar negara.

"Tuduhan ini merupakan satu penipuan.

"Ketua Menteri menghubungi saya setiap hari bagi mengetahui keadaan banjir dan mangsa-mangsa terlibat. Apabila beliau dimaklumkan situasi kritikal membabitkan golongan kanak-kanak, warga emas dan wanita, beliau terus mengarahkan supaya RM1.5 juta dipindahkan ke Akaun Amanah," jelasnya dalam kenyataan media pada 27 Disember 2014.

Sementara itu, beberapa hari selepas kejadian banjir teruk yang melanda negeri-negeri pantai timur, kira-kira 524 rumah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Teluk Bahang, Balik Pulau di sini rosak akibat tiupan Angin Langkisau sekencang 50 kilometer/sejam pada 29 Disember tahun lalu.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang merupakan Exco pertama mengadakan lawatan ke kawasan kejadian yang menurut Jabatan Meteorologi Pulau Pinang adalah hasil tiupan Angin Langkisau memberitahu, antara kawasan terlibat adalah Kampung Sungai Rusa, Permatang Pasir, Sungai Pinang, Pantai Acheh, Jalan Baru dan Kampung Sungai Pinang.

Tinjauan Buletin Mutiara mendapati rata-rata bumbung rumah mangsa kejadian diterbangkan dalam kejadian yang berlarutan kira-kira enam jam. Turut musnah adalah kubah Masjid Sungai Rusa.

Dalam pada itu, Guan Eng yang mengadakan lawatan ke lokasi kejadian menyampaikan sumbangan segera bernilai RM200 kepada setiap mangsa terlibat.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri yang juga ADUN Air Itam, Wong Hon Wai; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid; Pegawai Penyelaras KADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Abdul Halim Hussain.

Turut berada di lokasi, Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Mohamed Akbar Mustapha dan Penghulu Kawasan Teluk Bahang, Amiruddin Mohd. Kasim.


*(Berita lanjut di muka surat 5)*




**GOLONGAN kanak-kanak yang menunggu bantuan makanan di Kuala Krai, Kelantan.**



**PHEE Boon Poh (dua dari kanan) dan Chow Kon Yeow (kanan sekali) menyusun kotak-kotak berupa barangan keperluan untuk disumbangkan kepada mangsa-mangsa banjir setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan.**



**KUBAH Masjid Sungai Rusa, Teluk Bahang yang turut musnah.**

# Penarafan Mahkamah Syariah perlu pinda enakmen - Ketua Hakim Syarie P. Pinang

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Enakmen Pentadbir Mahkamah Syariah sedia ada perlu dipinda di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang kelak demi merealisasikan penarafan institusi berkenaan pada lima peringkat mahkamah di negeri ini.

Ketua Hakim Mahkamah Syarie Pulau Pinang, Y.A.A. Datuk Abdul Walid Abu Hassan berkata demikian semasa mengadakan kunjungan hormat dekat pejabat Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Wong Hong Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri) dan Penasihat Undang-Undang Negeri (LA), Dato' Aliza Sulaiman serta anggota Jabatan Kehakiman Syarie Pulau Pinang turut menyertai pertemuan tertutup tersebut.

Menurut Abdul Walid, Putrajaya mengesyorkan Mahkamah Tengah Syariah diwujudkan di antara peringkat Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah.

Tambah beliau, Majlis Rayuan Persekutuan di bawah Majlis Raja-Raja Malaysia turut diwujudkan di Putrajaya sahaja di atas peringkat Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang sedia ada.

Guan Eng dalam reaksi spontan mengesyorkan Aliza mengemukakan draf berwajib kepada Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri sebelum dipertimbang untuk dibentangkan di DUN kelak.

"Majlis Agama Islam (Negeri Pulau Pinang, MAINPP) dah setuju dan LA kata perlu masuk mesyuarat Exco untuk persetujuan.

"Maknanya, apa-apa enakmen kita (DUN) perlu pinda, antaranya, Enakmen Pentadbiran (Mahkamah Shariah), kita perlu pinda sebab nak memasukkan penubuhan mahkamah.

"Sekarang, Mahkamah (Syariah) kita ada tiga peringkat, kalau selepas ini disetujui dengan pindaan ini, dua lagi peringkat mahkamah akan diwujudkan," jelas Abdul Walid kepada wartawan selepas selesai kunjungan hormat tersebut.

Abdul Walid memberitahu, kos penarafan pada lima peringkat mahkamah syariah tersebut dari segi infrastruktur serta pengurusan gaji dan sebagainya akan ditanggung Putrajaya, jika syor penggubalan beberapa enakmen berwajib diluluskan di DUN kelak.

"Semua itu akan dibiayai Kerajaan Persekutuan, cuma (peringkat) Mahkamah Tengah (Syariah) dan ke bawah sahaja dibiayai oleh Kerajaan Negeri," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, kepemimpinan Kerajaan Negeri dan anggota delegasi Jabatan Kehakiman Syarie Pulau Pinang turut berbincang mengenai projek pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri di bawah Kerajaan Pusat, yang masih belum siap mengikut jadual pemajuan hingga kini.



**KETUA Menteri bertukar-tukar cenderamata dengan Abdul Walid Abu Hassan sempena kunjungan hormat delegasi Jabatan Kehakiman Syarie Pulau Pinang ke Pejabat Ketua Menteri di sini baru-baru ini.**

# Peranan Jawatankuasa Kariah bukan di masjid sahaja – YDP MAINPP



**MOHD. Salleh Man (tengah) menyerahkan saguhati kepada salah seorang penerima sambil disaksikan Rosidi Hussain (kanan sekali) pada Majlis Bayaran Saguhati Pengurusan Kariah 2014 di sini baru-baru ini.**

**BERTAM –** Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man berkata, peranan sebenar Jawatankuasa Kariah antaranya termasuk menyalurkan maklumat anak-anak kariah yang layak dipertimbang untuk menerima bantuan asnaf daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Justeru, kata beliau, mereka yang dilantik wajar lebih prihatin dengan perihal kebajikan anak-anak kariah sama ada yang sering berkunjung ke masjid atau sebaliknya.

"Kadang-kadang ada anak kariah yang layak mendapat bantuan zakat, tetapi maklumat mereka ini tidak sampai kepada kita (ZPP) kerana jarang nampak (bersolat jamaah) di masjid.

"Sebab itu, kita sebut Jawatankuasa Kariah, kita tak sebut Jawatankuasa Masjid sebab banyak perkara sepatutnya dimainkan oleh jawatankuasa ini meliputi tiap-tiap anak Kariah, bukan hanya meliputi mereka yang datang ke masjid sahaja," katanya pada Majlis Bayaran Saguhati Pengurusan Kariah 2014 di sini baru-baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua MAINPP, Datuk Abdul Halim Hussain dan Ustaz Rosidi Hussain (Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid & Hal Ehwal Kariah MAINPP) turut berucap pada majlis tersebut.

Mohd. Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir menyampaikan bayaran saguhati daripada sumber zakat kepada 791 penerima dari 207 kariah yang keseluruhannya berjumlah RM395,200.

Difahamkan, penerima terdiri oleh pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan bendahari bagi tiap-tiap jawatankuasa kariah yang dilantik.

Sebelum itu, Rosidi memberitahu bahawa jawatankuasanya akan menguruskan proses melanjutkan tempoh pelantikan Jawatankuasa Kariah yang sepatutnya pada bulan Jun tahun ini ke April 2016.

# Rai TMPP 2015!




**RUPA bentuk poster TMPP 2015.**

**GEORGE TOWN –** Pesta Belon Udara Panas di Padang Polo pada 21 dan 22 Februari ini mungkin akan dijadikan acara tahunan kelak, jika mendapat sambutan luar biasa bersempena sambutan Tahun Melawat Pulau Pinang 2015 (TMPP 2015) di sini.

Menurut Pengurus Besar Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan, pihaknya dengan bekerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan menganjurkan beberapa acara tahunan menarik seperti Pertandingan Tarian Singa Antarabangsa Malaysia, Pesta Chingay dan Pesta St. Anne demi menggandakan lagi tarikan pelancongan ke negeri ini.

"Dijangkakan juga, Februari akan menjadi satu bulan yang paling meriah dengan banyak sambutan bakal diadakan seperti *Tropfest Southeast Asia*, Thaipusam, Tahun Baru Cina, Pesta Belon Udara Panas dan Tahun Baru Hokkien," ujarnya kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Selain itu, katanya lagi, *Penang Anime Matsuri Party* turut akan diadakan pada 23 dan 24 Mei depan.

Pada sidang sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng diiringi Chok Yan turut melancarkan logo khas TMPP 2015.

# Sumbangan Ibu Emas turut meliputi KADUN pembangkang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**AIR PUTIH –** Seramai 40,589 penerima Sumbangan Ibu Emas berjumlah RM100 baru-baru ini turut meliputi suri rumah sepenuh masa berusia di bawah 60 tahun dari 10 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) yang dikuasai pembangkang Pulau Pinang.

Seramai 1,561 wanita dipilih adalah dari KADUN Penaga, diikuti Bertam (775), Pinang Tunggal (1,256), Permatang Berangan (1,204), Sungai Dua (1,240), Teluk Air Tawar (607), Sungai Acheh (770), Bayan Lepas (872), Pulau Betong (1,091) dan Teluk Bahang (874).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, program tersebut adalah sebagai menghargai wanita berusia di bawah 60 tahun yang menjalankan tanggungjawab sebagai suri rumah sepenuh masa di negeri ini.

"Jumlah ini dilihat akan meningkat lagi berikutan sambutan yang menggalakkan terhadap program ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih dipetik daripada perutusannya sempena Pelancaran Program Ibu Emas Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Pada awal pagi hari penyampaian sumbangan Ibu Emas yang dijalalankan secara serentak di seluruh negeri Pulau Pinang, Guan Eng berada di Maybank Cawangan Air Itam untuk memastikan semua proses pembayaran kepada lebih 180 suri rumah membabitkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam dan Air Putih berjalan dengan lancar.

Bagi fasa satu, seramai 10,628 penerima adalah dari Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Seberang Perai Tengah (10,954), Daerah Seberang Perai Selatan (6,312), Daerah Timur Laut (8,402) dan Daerah Barat Daya (4,293).

Hadir sama, ADUN Air Itam, Wong Hon Wai.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga kini telah memperkenalkan pelbagai Program Emas dengan menyalurkan sumbangan secara *one-off* kepada mereka yang layak.

Direkodkan, sebanyak RM120.36 juta telahpun disalurkan di bawah Program Emas sejak tahun 2008 hingga 2014.

"Dari tahun 2008 hingga 2014, sebanyak RM89.9 juta (RM89,895,100) untuk Warga Emas dan waris, RM14.7 juta (RM14,733,300) untuk Pelajar Emas, RM3,991,200 untuk Ibu Tunggal dan waris, RM9 juta (RM9,027,000) untuk Anak Emas dan RM2.7 juta (RM2,716,100) untuk OKU (melalui) JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat), yang keseluruhannya berjumlah RM120,362,700," ujar Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Program Ibu Emas mula diperkenalkan pada awal tahun 2014 sebagai menghargai sumbangan wanita dalam memelihara institusi kekeluargaan di Pulau Pinang dengan jumlah pendaftaran sehingga 3 Oktober lepas adalah seramai 40,589 orang.

Kesemua 40,589 wanita berkenaan masing-masing menerima sumbangan kali pertama sebanyak RM100 daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Bagi suri rumah yang belum mendaftar, sila kunjungi pejabat daerah atau pusat khidmat ADUN masing-masing bagi tujuan pendaftaran.




**KETUA Menteri dan Wong Hon Wai (kanan sekali) bergambar kenangan dengan sebahagian Ibu Emas yang menerima sumbangan baru-baru ini.**



**SURI-suri rumah sepenuh masa KADUN Air Putih dan Air Itam menunjukkan sumbangan diterima menerusi Program Ibu Emas.**



**ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan (dua dari kanan) bergambar kenangan dengan ahli jawatankuasa yang menjayakan penyampaian sumbangan Ibu Emas.**



**ADUN Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo (dua dari kiri) menunjukkan tanda bagus sambil merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian penerima.**




**JACKSON F. Tiago (kanan sekali) bergambar kenangan bersama-sama pemain-pemain baru dari Brazil.**

# Tiada lagi alasan untuk tidak pamer prestasi cemerlang - KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Tiada perkara lain yang diharapkan terhadap pasukan bola sepak Pulau Pinang di bawah pengurusan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) selain membuktikan prestasi terbaik untuk naik ke Liga Super bagi tahun 2016.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika sebahagian barisan ahli-ahli pasukan, pihak pengurusan FAP dan barisan kejurulatihan yang akan bersaing pada Liga Perdana 2015 mengadakan kunjungan hormat ke Komtar di sini baru-baru ini.

"Anda semua hanya perlu tumpukan pada permainan di padang sahaja, tidak perlu risau soal gaji dan sebagainya, kerana anda sendiri boleh lihat komitmen FAP untuk kita (Pulau Pinang) naik semula ke Liga Super.

"Tidak ada apa lagi yang menghantui anda, oleh itu, tiada lagi alasan bagimu untuk tidak mempamerkan prestasi yang cemerlang," ujarnya kepada para pemain dan pengurusan FAP pada sidang media khas baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menyempurnakan penyampaian sumbangan RM4 juta (yang dinyatakan sebelum ini) kepada FAP bagi menghadapi saingan Liga Perdana 2015.

Pengurus Perhubungan Korporat PBAPP, Ir. K. Jeyabalan dan Presiden FAP, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff hadir sama pada majlis berkenaan.

Turut diperkenalkan adalah pemain import yang bakal mewakili Pulau Pinang bagi musim 2015 iaitu Lee Gil Hoon dari Korea Selatan yang juga pemain bagi musim 2014; Hilton Mauro Moreira (Brazil) mewakili Pulau Pinang setengah musim bagi Liga Perdana 2014; Alberto Goncalves Da Costa dan Reinaldo Rodrigues De Oliveira Lobo, masing-masing dari Brazil dan bermain di Liga Indonesia sebelum ini.

Bagi jurulatih baru FAP dari Brazil, Jackson F. Tiago, persiapan kini merangkumi segala aspek latihan dalam mencari keserasian semua pemain.

"Persediaan giat dijalankan dari segi fizikal dan teknikal, semua pemain dilihat turut memberikan komitmen terbaik bagi menjelmakan prestasi terbaik dalam pasukan.

"Selaras itu, Pulau Pinang juga bakal mengadakan beberapa perlawanan persahabatan menjelang penghujung Januari 2015," jelas beliau.

Seramai 25 orang pemain didaftarkan bagi mengharungi saingan Liga Perdana 2015 termasuk tujuh muka lama yang telah berada dalam pasukan sebelum ini.




**PEMAIN-pemain tempatan yang turut hadir pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.**

# Kukuhkan tali persaudaraan Islam - Exco

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM** – Seramai 1,850 peserta daripada 41 kontinjen menyertai perarakan Maulidur Rasul dari Taman Vision ke perkarangan Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas, Seberang Perai Utara di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dalam ucapannya menasihatkan seluruh umat di negeri ini supaya mengukuhkan tali persaudaraan Islam serta tidak melayan dakyah politik pihak berkaitan.

"Bukan sahaja perarakan sejauh satu kilometer dianjurkan pada pagi ini, malah Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang mengisi program sambutan Maulidur Rasul dengan solat (sunat) Dhuha berjemaah," ujarnya pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang 1436H/2015M di sini baru-baru ini.

Tema sambutan tahun ini adalah "Qudwah Al-Rasul Sirat Ahli Al-Sunnah Wa Al-Jamaah".

Pada majlis tersebut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menyempurnakan majlis penyampaian Anugerah Tokoh Maulidur Rasul 1426 Hijrah kepada "Cikgu Azmi" atau nama sebenarnya Mohd. Azmi Abdul Hamid, 57.

Mohd. Rashid turut menyampaikan Anugerah Kategori Inovasi kepada penerima, Md. Fauzi Osman, Abdul Rhaffor Mahmod (Anugerah Kategori Kemasyarakatan) dan Dr. Mazzan Md. Issa @ Mat Desa (Anugerah Kategori 'Shabab' atau Pemuda).

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Se ri Farizan Darus, Dato' Maktar Shapee (Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, DUN Pulau Pinang) serta Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir pada majlis keraian berkenaan.

Manakala, selebriti dakwah terkenal, Dr. Zahazan Mohamed menyampaikan tazkirah khas sejurus selepas acara marhaban dan berjanji.

Mohd. Azmi yang ditemui kemudian berharap anugerah yang diberikan kepadanya mampu menyemarak lagi semangat keagamaan dalam kalangan muda-mudi di negeri ini.

Difahamkan, Mohd. Azmi dipilih menyertai anugerah utama pada kali ini, antaranya, atas rekod penyertaan beliau dalam misi kemanusiaan ke Palestin, Syria, Filipina dan Myanmar selain peranannya dalam seminar peringkat antarabangsa.

"Antara pengalaman berharga yang saya peroleh adalah di Gaza bila peluru dan bom meletup di mana-mana sahaja ketika menjalankan misi kemanusiaan.

"Selain itu, saya pernah berucap di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di mana ketika itu saya dapat rasakan betapa kecilnya suara negara kita ini, namun berpuas hati dapat mengemukakan idea pendapat perspektif Islam kepada perwakilan dunia," ulas beliau.



**KONTINJEN** pasukan Bomba dan Penyelamat yang turut mengambil bahagian.



**PARA** pemenang anugerah lain memerhatikan trofi Anugerah Tokoh Maulidur Rasul 1426 Hijrah yang dimenangi Mohd. Azmi Abdul Hamid (dua dari kiri) pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang 1436H/2015M di sini baru-baru ini.



**MOHD.** Rashid Hasnon (depan, tiga dari kanan) dan Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kiri) merupakan barisan kepimpinan yang hadir.

# Bantuan pukat kali ketiga bukti KN kotakan janji

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT TAMBUN** – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, Kerajaan Negeri buat kali ketiga memberi sumbangan pukat kepada nelayan berdaftar, sejak dijanjikan dua kali untuk tiap-tiap tahun pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lepas.

"Jika dipilih sekali lagi selepas PRU13, kami (Kerajaan Negeri) berjanji untuk memberi bantuan pukat sebanyak dua kali tiap-tiap tahun.

"Kita kotakan janji kita, saya ingat ini sumbangan kali ketiga kita beri sumbangan pukat sejak tahun lalu (2013)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Perasmian Majlis Penyerahan Bantuan Pukat & Bekas Simpanan Ikan Kepada Nelayan Bahagian Seberang Perai disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon diiringi Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Hadir sama, Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Rohani Hassan serta wakil bagi kedua-dua Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU).

Penerima, **AMZAR CAT,** 57, nelayan di Sungai Semilang yang ditemui kemudian melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri, dengan menganggap bantuan seumpama itu mengurangkan kos kerjaya sebagai nelayan pantai.

"Ini kali ketiga saya dapat bantuan pukat...berasa lega sedikitlah apabila mendapat bantuan seperti ini," ujarnya sambil berharap dipilih menerima bekas simpanan ikan daripada Kerajaan Negeri kelak.

**K. KUMAR,** 55, pula berkata, sumbangan pukat tersebut sekaligus menyerlahkan Kerajaan Negeri prihatin dengan jasa nelayan di negeri ini.

"Selepas menjadi nelayan masuk (selama) hampir 40 tahun, ini kali ketiga saya terima bantuan daripada Kerajaan Negeri," katanya yang juga nelayan pantai di perairan Bukit Tambun.

Nada sama turut diluahkan **ANG CHIN GUAN**, 57, nelayan lebih 40 tahun di perairan Tok Keramat dekat Auto City di sini.

"Saya baru dapat dua kali bantuan pukat kerana terlambat daftar, tetapi, seronok kerana bolehlah nak kurang kos cari makan sebagai nelayan ini," ujar beliau ditemani rakan penerima, Khor Kwang Ching, 60.

Dalam perkembangan berkaitan, Chin Guan turut mencadangkan pihak penguatkuasaan berwajib supaya mencegah aktiviti penangkapan ikan secara haram menggunakan pukat harimau yang diakui turut menjejaskan hasil tangkapan rata-rata nelayan pantai di sini.

"Dulu tangkap ingat banyak senang di Pulau Aman khususnya, sekarang nak dapat ikan bawal hitam dan senangin pun susah, bawal putih pun kalau dapat tangkap sedikit sahaja," seru beliau sambil menggesa penguatkuasaan daripada pihak berkaitan.



**MOHD.** Rashid Hasnon (barisan depan, enam dari kanan) dan P. Kasthuriraani (barisan depan, lapan dari kanan) bersama-sama para nelayan dan wakil-wakil pejabat daerah menunjukkan tanda bagus pada Majlis Penyerahan Bantuan Pukat & Bekas Simpanan Ikan Kepada Nelayan Bahagian Seberang Perai di sini baru-baru ini.



**ANG** Chin Guan (kanan) dan Khor Kwang Ching.



**K.** Kumar.



**AMZAR** Cat.

# Tragedi ribut di Teluk Bahang

*(Dari muka surat 1).*

**ROSLAN** Ramli, 56, kerja sendiri, berkata, ketika kejadian, beliau bersama isteri dan anaknya berada di dalam rumah yang baru siap dibina pada Hari Raya Korban menggunakan caruman wang simpanan pekerja (KWSP) kira-kira RM97,000 miliknya.

"Saya dapat rasakan angin mula bertiup kencang pada jam 8 malam, ketika itu, tiupan amat luar biasa.

"Saya keluar masuk memerhatikan pokok-pokok kelapa di depan dan belakang rumah. Malah, disebabkan risau, saya tidak dapat tidur dan membaca quran di ruang tamu.

"Menjelang tengah malam, angin semakin kencang. Tiba-tiba, anak menjerit dan terdengar bunyi dentuman yang kuat. Pokok kelapa di belakang rumah tumbang betul-betul di atas bumbung rumah.

"Walaupun terkejut dan sedih, alhamdulillah, tiada sesiapa yang cedera," ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.



ROSLAN Ramli.



CHE Kiah Md Abu.

**WARGA** emas, Che Kiah Md Abu, 80, memberitahu bahawa bumbung rumahnya hasil sumbangan Kerajaan Negeri tiga tahun lalu musnah diterbangkan sekelip mata dalam kejadian berkaitan.

"Ketika kejadian, Tok berada di rumah dengan lima cucu dan anak yang terbaring cedera ekoran terlibat dalam kemalangan beberapa bulan lalu.

"Apabila terdengar bunyi bising zink bumbung seolah-olah ingin terbuka, Tok bawa cucu-cucu dan minta anak yang tinggal berhampiran untuk memindahkan anak yang tak dapat berjalan itu.

"Selepas itu, tanpa disedari, zink bumbung telah hilang entah ke mana!" jelas beliau yang menyatakan bahawa ia merupakan kejadian pertama pernah dialaminya.





KEADAAN rumah yang rosak dalam kejadian ribut di sini baru-baru ini.

## BANTULAH MEREKA...





KEDIAMAN salah seorang mangsa banjir di Pasir Senor, Temangan, Machang, Kelantan.



MANGSA hanya mampu memerhatikan kediaman ditenggelami air bah di Pasir Senor, Temangan, Machang, Kelantan.



MANGSA-mangsa banjir Kuala Krai, Kelantan menerima bantuan yang dibawa Misi Konvoi 4WD.



KEADAAN salah sebuah kediaman yang musnah di Kuala Krai, Kelantan.



BARANGAN sumbangan yang dikumpul di Pulau Pinang.

# Laluan khas jika operasi 800 bas awam direalisasikan - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **SHUM JIAN-WEI**

**PENGKALAN KOTA** - Kerajaan Negeri merayu agar operasi semua 550 bas yang dijanjikan Kerajaan Pusat pada 2010 dapat direalisasikan di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada Majlis Pelancaran Terminal B Rapid Penang dekat Pengkalan Weld di sini baru-baru ini.

"Saya harap bahawa janji untuk menambah 200 bas tambahan ke atas 300 (bas) sedia ada, yang dibuat pada tahun 2010 dalam pembentangan Belanjawan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dapatlah ditunaikan dan tidak lagi menghampakan rakyat Pulau Pinang dengan hanya 400 atau 450 buah (bas) ataupun ada laporan sampai 520 buah bas.

"Sekiranya ada 800 bas Rapid Penang yang bergerak dan beroperasi senantiasa (tiap-tiap) hari di atas jalan, Kerajaan Negeri akan memberikan laluan khas bas untuk Rapid Penang," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.




**KETUA Menteri, Mejar (B) Mohd. Shukri Abdul Rahman (depan, dua dari kanan) dan Patahiyah Ismail (depan, kanan sekali) menunjukkan tanda bagus selepas menyempurnakan gimik Majlis Pelancaran Terminal B Rapid Penang dekat Pengkalan Weld di sini baru-baru ini.**



**RUPA bentuk Terminal B Rapid Penang.**

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Ketua Pegawai Operasi Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang), Mejar (B) Mohd. Shukri Abdul Rahman turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, ADUN Komtar, Teh Lai Heng, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Dato' Patahiyah Ismail serta beberapa Ahli Majlis MPPP lain.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri telahpun mempunyai Kajian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang dianggarkan menelan belanja RM27 bilion antara lain, demi mengalih kecenderungan rakyat dari menggunakan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam.

"RM27 bilion ini, saya rasa ini yang paling besar di bahagian Utara (Semenanjung Malaysia).

"Pada November 2014, jumlah bas yang disediakan untuk perkhidmatan bas CAT telah bertambah daripada tiga bas ke(pada) lima buah (bas), dan masa perselangan perjalanan telah dikurangkan daripada 20 minit ke 10 minit.

"Penambahan bilangan bas CAT telah meningkatkan jumlah pengguna bas," jelas beliau.

Guan Eng dalam pada itu turut memuji komitmen Kon Yeow yang acapkali menyuarakan isu-isu berbangkit berhubung rancangan memperbaiki mutu sistem pengangkutan negeri dalam mesyuarat Exco Kerajaan Negeri.

Sebelum itu, Mohd. Shukri turut memuji kerjasama Kerajaan Negeri dalam menjayakan projek pemajuan terminal tersebut.

"Ekspektasi saya, sistem yang kita (Rapid Penang) mahu sediakan di Pulau Pinang mesti mengatasi ekspektasi sistem pengangkutan di negara-negara maju seperti England dan Australia.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Negeri," kata Mohd. Shukri.

Rapid Penang ditubuhkan pada 31 Julai 2007 demi menyediakan sistem pengangkutan bas yang lebih efisien dan kini 242 bas beroperasi tiap-tiap hari.

Angka itu, tidak termasuk perkhidmatan percuma *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) di antara Seberang Perai dan Bayan Baru sebanyak 17 buah bas dan *Central Area Transit* (CAT) (5) di sekitar Tapak Warisan UNESCO George Town.

Kerajaan Negeri membelanjakan RM239,000 tiap-tiap bulan untuk perkhidmatan-perkhidmatan bas percuma tersebut.

Terminal B Rapid Penang berkenaan mula dimajukan pada Jun tahun lepas di atas tanah Perbadanan Ketua Menteri (CMI) seluas 3,515 meter persegi yang telah dipajak kepada Syarikat Prasarana Negera Berhad. Ia mampu menampung operasi 12 bas dalam satu-satu masa.

## Jambatan bertol dikecualikan GST disambut baik

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyambut baik pengumuman terbaru berhubung pengecualian Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) tidak akan dikenakan ke atas Jambatan Pulau Pinang dan Johor, namun, dinafikan sendiri oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia kemudiannya.

Respons Guan Eng itu merujuk kepada kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Datuk Khazali Ahmad pada 18 Disember tahun lepas di bawah Perintah GST (Pembekalan Dikecualikan) 2014, dilaporkan berkata, lebuh raya bertol di jalan awam adalah termasuk jambatan dan perkhidmatan yang dikecualikan daripada pelaksanaan cukai itu yang bermula 1 April 2015.

"Yang penting keputusan muktamad iaitu tidak akan kenakan GST ke atas jambatan. Kerajaan Negeri terima perkara ini sebagai selesai," kata Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.

Tambahnya, pelaksanaan GST dijangka akan memberi kesan berantai yang buruk ke atas pengguna Jambatan Pertama Pulau Pinang dan jambatan baru, Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Malah, Guan Eng memberitahu, langkah Kerajaan Pusat tersebut turut akan memberi kesan berantai kepada pengguna lebuh raya bertol di Tambak Johor - Singapura yang menghubungkan Tanjung Kupang dekat Johor ke Tuas di Singapura, berusia 92 tahun.

## Sewakan unit kediaman, langgar syarat nyata

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menasihatkan para pemilik rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik di negeri ini supaya tidak menyewakan kediaman dimiliki bagi mengelak berdepan dengan risiko penguatkuasaan di sini.

Menurut beliau, hal berkenaan secara terang-terangan melanggar syarat-syarat nyata yang dinyatakan di dalam Borang PN1.

Jagdeep memberitahu, tujuan utama pemilikan unit-unit tersebut adalah untuk mereka yang benar-benar memerlukan dan tidak boleh disewa selaras dengan rasional dasar perumahan kepada yang layak.

"Saya melihat perkara ini dengan serius.

"Senarai menunggu di Jabatan Perumahan Pulau Pinang untuk rumah kos rendah (RKR) dan kos sederhana rendah (KSR) semakin meningkat iaitu masing-masing berjumlah 25,065 dan 24,283 pemohon sehingga tarikh 10 November 2014.

"Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan akan dilakukan terhadap mereka yang secara terang-terangan menyewakan unit-unit ini setelah perbincangan akhir dengan Penasihat Undang-undang Negeri dicapai," tegasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, dua wakil dari Institut Ejen Hartanah Malaysia Cawangan Pulau Pinang.

Ketika ditanya berhubung tindakan penguatkuasaan yang bakal diambil, Jagdeep memberitahu bahawa ia termasuk penamatan penyewaan dan pemilikan semula unit oleh kerajaan.

Susulan itu, Jagdeep menyatakan bahawa Institut Ejen Hartanah Malaysia Cawangan Pulau Pinang turut bersetuju membantu Kerajaan Negeri menangani isu berkenaan, iaitu dengan mengarahkan ejen-ejen berdaftar agar tidak mengiklankan sewaan unit yang telah disahkan Jabatan Perumahan Pulau Pinang.

Dalam pada itu, tambah beliau, demi memenuhi permintaan pemohon yang semakin meningkat, Kerajaan Negeri bersama-sama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) merancang membangunkan 12 projek meliputi 22,545 unit di seluruh Pulau Pinang.

"Sebanyak 12 projek bakal menyediakan sejumlah 850 unit kos rendah, sederhana rendah (7,874) dan mampu milik (13,851)

"Manakala, sektor swasta melalui perkongsian awam-swasta ditetapkan menyediakan amaun yang sepadan atau melebihi jumlah ini," jelas Jagdeep.

# Tidak perlu GST, hanya perlu kurang rasuah & jenayah – KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyelar Kerajaan Pusat ekoran kegagalan mengurus tadbir kewangan dengan berkesan apabila tersenarai sebagai negara kelima dalam pengaliran wang haram.

Dipetik dari laporan portal, *Global Finance Integrity* (GFI), Guan Eng berkata, sekiranya penilaian dilakukan berdasarkan pendapatan perkapita sesebuah negara, beliau agak terkejut kerana Malaysia berada di tangga pertama.

"Dari tahun 2003, kita (Malaysia) dikatakan terlibat dalam penghasilan wang haram berjumlah RM1,382 bilion, jumlah ini sangatlah besar dan ianya merangkumi lima kali ganda bajet tahunan negara.

"Justeru, Kerajaan Pusat harus memberi perhatian serius berhubung hal ini," tegasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Selain bajet, Guan Eng turut menyamakan jumlah terbabit dengan kos pembinaan 42 lagi lapangan terbang menyerupai Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2).

"Berapa lama lagi kita perlu hadapi situasi begini? Itu yang cuba saya sebut sebelum ini, negara tidak perlu pun untuk melaksanakan cukai GST, kita hanya perlu kurangkan rasuah dan jenayah, sudah pasti kita akan dapat wang.

"Bila hapus rasuah, selesailah masalah!," jelasnya.

Guan Eng dalam pada itu mengambil contoh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang membasmi rasuah dan berjaya menghasilkan perbelanjaan lebihan untuk dipulangkan kepada rakyat melalui pelbagai sumbangan 'Emas'.

"Ini berbeza dengan Kerajaan Pusat yang kali terakhir punyai lebihan adalah pada tahun 1998, iaitu tahun akhir Datuk Seri Anwar Ibrahim menjawat jawatan sebagai Menteri Kewangan, sehingga kini tiada lagi lebihan," tambahnya.



DR. Afif Bahardin (empat dari kiri) meramahi golongan nelayan di Pasar Bisik Kuala Muda sempena Program Jelajah Desa 2014 Daerah SPU di sini baru-baru ini.

## Dr. Afif jelajah desa, pantau program kebajikan rakyat

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PENAGA** – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin meramahi para nelayan di Pasar Bisik Kuala Muda di sini baru-baru ini.

Sesi ramah mesra itu adalah susulan daripada Program Jelajah Desa 2014 Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT) di bawah Projek Khas Ekonomi MMK Pembangunan Desa dijawat beliau.




DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) ditemani Jusni Ismail (kanan sekali) menyerahkan replika kunci kepada salah seorang penerima.

Afif berkata, program jelajah dianjurkan Pejabat Daerah dan Tanah SPU dan SPT tersebut bertujuan meninjau kerja-kerja penyiapan rumah baru dan pembaikian yang telah dijalankan untuk golongan tidak mampu di daerah masing-masing.

"Selain itu, beberapa jenis bantuan termasuk sumbangan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi di bawah Program Pembangunan Industri Desa Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) serta bantuan sara hidup untuk golongan kurang berkemampuan turut diagihkan," katanya di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pegawai Daerah SPU, Saodah Nawawi dan Pegawai Daerah SPT, Jusni Ismail.

Susulan itu, Afif turut menyeru supaya pegawai penyelaras kawasan dewan undangan negeri (PPK), penghulu dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di daerah-daerah terbabit supaya menjalankan tugas diberi dengan penuh amanah dan sentiasa turun padang membantu rakyat memerlukan.



LAWATAN ke kilang memproses keropok lekor di SPT.

## Langgar had harga rumah, kemuka semula permohonan - Exco

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MARK JAMES**



JAGDEEP Singh Deo (kiri) menyampaikan cek sumbangan Program HAPPY! kepada Pidzon Jayaha pada majlis sidang media di sini baru-baru

**GEORGE TOWN** – Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) diminta mengemukakan semula permohonan pembangunan projek-projek yang didapati melanggar had harga ditetapkan Kerajaan Negeri iaitu RM400,000 untuk rumah mampu milik di bahagian pulau dan Seberang Perai (RM250,000) di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian ketika mengulas hasil sesi pertemuannya dengan Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Osman baru-baru ini.

Dalam pertemuan tersebut, kata Jagdeep, sebanyak 15 projek iaitu tujuh membabitkan PERDA dan JKPSB (8) telah dibincangkan.

Jelasnya, permohonan semula pembangunan tersebut adalah melibatkan empat projek iaitu masing-masing dua projek membabitkan kedua-dua agensi Kerajaan Pusat berkaitan.

"Mereka (PERDA dan JKPSB) perlu menghantar surat permintaan rasmi dengan justifikasi dan alasan terperinci kepada kita (Kerajaan Negeri) sebelum 15 Januari depan.

"Kita akan meneliti dan membawa perkara ini ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) yang akan datang untuk membuat keputusan," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Difahamkan, pertemuan tersebut yang dijalankan beberapa minggu lalu turut dihadiri Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri dari Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Datuk Abu Jamal Nordin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Sr. Muhamad Farid Saad.

Turut serta, pegawai-pegawai dari Jabatan Perumahan Negeri, JKPSB dan PERDA.

Dalam pada itu, Jagdeep memberitahu, pendirian Kerajaan Negeri adalah jelas berhubung justifikasi perumahan kos rendah, sederhana rendah di mana-mana tanah dan projek yang hendak dibina.

"Jika mereka (PERDA dan JKPSB) dapat buktikan bahawa tanah yang diperoleh adalah melalui proses pengambilan semula, Kerajaan Negeri bersedia menimbang permohonan mereka (PERDA dan JKPSB) untuk perumahan kos rendah dan sederhana rendah.

"Sebaliknya, jika tidak melalui pengambilan semula, kita (Kerajaan Negeri) hanya akan pertimbangkan permohonan mereka (PERDA dan JKPSB) untuk bina rumah tidak melebihi harga siling yang telah ditetapkan di negeri ini," tegas Jagdeep.

Pada majlis sama, Jagdeep turut menyampaikan cek sumbangan sejumlah RM573,000 daripada Program HAPPY! *(Housing Assistance Programme Penang YES!)* kepada wakil penduduk Taman Pangsapuri Indah, Teluk Air Tawar, Pidzon Jayaha sebagai peruntukan membaikpulih dua blok bangunan di taman tersebut.

# 600 terima bantuan persekolahan 2015 Pejabat KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PINANG TUNGGAL** – Seramai 600 pelajar dari 10 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) yang dikuasai pembangkang Pulau Pinang dipilih menerima bantuan persekolahan berjumlah RM60,000 daripada peruntukan Pejabat Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari semasa mewakili Guan Eng dalam ucapannya berkata, pemberian bantuan tersebut diharap dapat mengurangkan lagi beban ibu bapa dalam menyediakan persiapan persekolahan anak-anak pada hujung tahun ini.

"Bantuan persekolahan ini sebenarnya untuk mengurangkan beban ibu bapa...saya sendiri sebagai bapa yang anak saya akan mula masuk darjah satu tahun depan pun merasai kos persiapan persekolahan tidak lagi semurah dahulu.

"Keadaan ekonomi kita kurang baik, pendapatan rakyat pun tidak meningkat, ditambah lagi dengan beban GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan) serta nilai mata wang RM (Ringgit Malaysia) yang merosot sememangnya menyusahkan hidup rakyat Malaysia," ujarnya kepada wartawan selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan 2015 Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohamad Shaipol Ismail, Ahli Lembaga Pengarah bagi Zakat Pulau Pinang (ZPP), Ir. Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman serta beberapa anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Tok Bedu turut menyertai majlis penyampaian berkenaan.

Difahamkan, pemberian bantuan sumbangan terbabit adalah membabitkan pelajar-pelajar dari KADUN Pinang Tunggal, Bertam, Penaga, Sungai Dua, Teluk Air Tawar, Permatang Berangan, Sungai Acheh, Teluk Bahang, Pulau Betong dan Bayan Lepas.

Sebanyak 60 pelajar dari tiap-tiap KADUN terpilih menerima pelbagai bantuan persekolahan yang keseluruhannya berjumlah RM60,000.




**ZAIRIL Khir Johari (barisan belakang, lima dari kiri) dan Muhasdey Muhamad (barisan belakang, empat dari kiri) merakamkan gambar dengan murid-murid terpilih menerima Bantuan Persekolahan 2015 Kerajaan Negeri Pulau Pinang Peringkat KADUN Pinang Tunggal di sini baru-baru ini.**

# Kak Yong Ina juara memancing JKKK Sg. Nibong Kechil

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **LAW SUUN TING**

**PANTAI JEREJAK** – 'Kak Yong Ina' atau nama sebenarnya Nor Fidah Zainol, 39, dari Pantai Remis, Perak mengejutkan hampir 1,000 peserta yang majoritinya adalah lelaki apabila muncul johan Pesta Memancing dan Karnival Sukan anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Nibong Kechil di persisiran pantai pusat membeli-belah Queensbay Mall di sini baru-baru ini.




**NOR Fidah Zainol (tengah) bersama-sama dua pemenang lain menunjukkan replika cek kemenangan masing-masing pada Majlis Penyampaian Hadiah Pesta Memancing dan Karnival Sukan di sini baru-baru ini.**

Nor Fidah dinobatkan sebagai pemenang selepas berjaya menaikkan ikan pari seberat 1.53 kilogram (kg) lantas melayakkan beliau membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM10,000.

"Saya berasa seronok kerana (kemenangan) ini merupakan kali kedua setelah lima tahun saya berjinak-jinak dengan hobi memancing.

"Alhamdulilah, suami juga memberi dorongan supaya saya menyertai pertandingan-pertandingan seperti ini di serata Semenanjung," kata pengusaha kedai makan di Pantai Remis tersebut kepada Buletin Mutiara di sini.

Penganjuran yang turut memperoleh kerjasama syarikat konsultansi, *Akashalf Consultant Services* tersebut turut menobatkan Mohd. Ikhwan Mahfus dari Kelantan sebagai pemenang kedua ekoran kejayaan menaikkan ikan yu seberat 1.135kg. Beliau membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM5,000. Tempat ketiga, Mohd. Zulkifli Pa dari Sik, Kedah, RM2,500.

Hadir menyempurnakan majlis penyampaian hadiah, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd Rashid Hasnon.

Selain hadiah wang tunai yang lumayan, penganjur turut menyediakan 20 hadiah cabutan bertuah berupa motosikal, basikal, telefon pintar, televisyen, peti ais dan lain-lain.



**MOHD. Rashid Hasnon (depan, dua dari kanan) meneliti ikan pari yang berjaya dinaikkan salah seorang peserta.**

# Yuran penyelenggaraan dikecuali GST disambut 4 pertubuhan

**GEORGE TOWN** – Institut Juruukur Diraja Malaysia (RISM) Cawangan Utara digesa memanjangkan permohonan Kerajaan Negeri supaya yuran penyelenggaraan membabitkan 235,000 rumah flat di negeri ini dikecualikan daripada cukai barangan dan perkhidmatan (GST).



**JAGDEEP Singh Deo (depan, kiri sekali) ketika menyampaikan ucapan perasmian pada seminar anjuran RISM di sini baru-baru ini.**

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian pada satu seminar RISM di sini baru-baru ini.

"Secara prinsipnya, yuran penyelenggaraan dikutip daripada penduduk untuk menyelenggarakan kawasan rumah flat, bukan untuk tujuan keuntungan atau membabitkan pembelian komersial untuk dikenakan GST.

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) merayu sekali lagi supaya RISM membawa pendirian kita ini kepada Kerajaan Pusat, agar GST tidak akan dikenakan ke atas yuran penyelenggaraan rumah flat, bukan sahaja di negeri ini, malah di Malaysia," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Selain RISM, kata beliau, tiga pertubuhan nasional iaitu Persatuan Penilai dan Perundingan Harta Swasta Malaysia (PEPS), Institut Pengurus Harta Profesional Malaysia (MIPPM), Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA) masing-masing turut bersetuju untuk memanjangkan petisyen yang senada dengan Kerajaan Negeri kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Keempat-empat pertubuhan ini telahpun bersetuju untuk menghantar satu memorandum kepada Perdana Menteri supaya kesemua rumah kos rendah dan sederhana rendah serta pangsapuri mampu milik berstrata dikecualikan GST atas yuran penyelenggaraan mereka.

"Saya sendiri masih menunggu dan tidak pasti apakah reaksi terbaru Kerajaan Pusat berhubung memorandum yang akan dipanjangkan oleh RISM melalui seminar tersebut," jelas Jagdeep.

Terdahulu, Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Datuk Khazali Ahmad dilaporkan berkata, GST dikenakan terhadap syarikat pengurusan flat atas dalih perkhidmatan dan keuntungan yang diperoleh masing-masing.

"Bayaran yuran penyelenggaraan daripada penduduk dikenakan bagi tujuan perkhidmatan penyelenggaraan kondominium dan mereka mempunyai keuntungan daripada yuran berkenaan," jelas beliau dipetik dari satu akhbar arus perdana.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam reaksi spontan berkata, pengumuman Khazali itu dijangka akan memberi impak berantai pada 16 peratus populasi rakyat Malaysia di Pulau Pinang, khususnya penghuni rumah flat.

Nada yang sama turut diluahkan Pengerusi Persatuan Hartanah dan Perumahan (REHDA) Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan.

# Harap Nicol pecah rekod dunia Susan Devoy - Exco



NICOL Ann David dipeluk ibunya sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di balai ketibaan LTAPP di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BAYAN LEPAS** – Datuk Nicol Ann David baru-baru ini merangkul kejuaraan kelapan apabila berjaya menewaskan wakil Mesir, Raneem El Waleily pada Kejohanan Skuasy Wanita Dunia 2014 di Wadi Degla Club dekat negara berkenaan.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, yang diwakili Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dalam satu kenyataan berkata, Nicol diharap mampu memecah rekod dunia yang dipegang pemain New Zealand, Susan Devoy kelak.

"Kini, beliau menguasai pemain skuasy wanita dunia nombor satu selama 100 bulan dan saya amat berharap beliau mampu memecahkan rekod yang dipegang Devoy selama 105 bulan," respon Siew Khim kepada wartawan ketika menyambut kepulangan Nicol di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di sini baru-baru ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus turut hadir menemani kedua ibu bapa Nicol.

Tambah Siew Khim, rekod kejayaan Nicol itu diharap menjadi sumber inspirasi buat atlet-atlet lain di Malaysia khususnya di negeri ini.

Sebelum itu, Nicol dalam reaksi spontan kepada wartawan berkata, kejayaan tersebut merupakan detik paling manis dalam kariernya sebagai pemain skuasy negara.

"Saya seakan tidak percaya dapat mengharungi perlawanan yang getir itu kerana cabaran yang diberikan sungguh sengit tambahan pula beliau bermain ditempat sendiri.

"Saya kuatkan semangat untuk merangkul kejuaraan ini demi Malaysia, keluarga dan rakan-rakan yang menyokong saya," ujar beliau.

Nicol mengambil masa selama 66 minit sebelum menumpaskan Raneem dengan kiraan 5-11, 11-8, 7-11, 14-12 dan 11-5, lantas melayakkan beliau membawa pulang hadiah kejohanan bernilai A$150,000.

Ditanya mengenai perancangan 'percutian' di negeri asalnya, Nicol sempat berseloroh dengan menyatakan bahawa beliau akan makan sepuas-puasnya di 'syurga makanan' ini.



NICOL Ann David (tengah) bergambar kenangan bersama-sama penyokong cilik beliau.

# Penantian pembeli Majestic Heights bakal berakhir

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN** – Penantian selama 16 tahun bagi 370 pembeli rumah kos rendah Majestic Heights Fasa 2A, Paya Terubong berakhir apabila Kerajaan Negeri mengumumkan pemulihan semula projek tersebut baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pada sidang media baru-baru ini memberitahu, syarikat binaan PLB KH Bina Sdn. Bhd. bakal mengambilalih projek pemulihan berkenaan pada waktu terdekat.

"Sekiranya berjalan lancar, projek akan dimulakan awal tahun 2015 dan (bakal) mengambil masa 18 bulan untuk siap sepenuhnya.

"Bagaimanapun, ia tertakluk kepada beberapa syarat yang dimuktamadkan dalam perjanjian jual-beli dan pembinaan antara pembeli serta syarikat berwajib," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Jelas Jagdeep, pembeli perlu membawa perjanjian jual beli terdahulu, MyKad (kad pengenalan), draf bank berjumlah RM10,000 yang akan dibayar kepada pemaju (RM5,000 sebagai permulaan projek dan bakinya selepas pengeluaran Sijil Penyiapan dan Pematuhan, (*Certificate of Completion and Compliance*) dan RM50 untuk yuran dan duti setem bagi membolehkan perjanjian baru ditandatangani.

"Sehingga kini, hanya 118 pembeli yang telah membayar RM10,000 dan pemaju memerlukan kerjasama sekurang-kurangnya 220 pembeli untuk memulakan projek berkenaan. Oleh itu, pembeli yang masih belum tampil berjumpa pemaju sila berbuat demikian bagi membolehkan projek ini dijalankan segera.

"Perlu diingatkan bahawa pembayaran RM10,000 tersebut telah dipersetujui setelah Kerajaan Negeri berunding dengan pihak binaan yang pada mulanya mencadangkan agar pembeli membayar RM45,000 bagi pemulihan projek berkenaan.

"Selain itu, pihak pemaju juga bersetuju untuk melanjutkan tempoh liabiliti kecacatan dari tiga bulan kepada 12 bulan,"ujar beliau.

Projek Majestic Heights Fasa 2A (dikenali juga sebagai Taman Paya Terubong) terbengkalai sejak 1998 sejurus selepas fasa pertama siap.

Walaupun secara fizikal telah siap 70 peratus, kerja-kerja bagi Fasa 2A yang merangkumi 370 unit (342 unit rumah kos sederhana rendah, ruang kedai (6) dan kegunaan industri (22) berkenaan diberhentikan.

Pembeli boleh menghubungi talian 016-496 9690 dan 012-431 0118 untuk maklumat lanjut.



RUPA bentuk bangunan projek Majestic Heights yang terbengkalai sejak 1998.

# Manfaatkan bantuan persekolahan - Exco




SEBAHAGIAN penerima Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Tahun 2015 merakam gambar kenangan bersama-sama Abdul Malik Abul Kassim (berkaca mata, berkemeja putih) di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN** – Seramai 40 pelajar dari keluarga kurang mampu kawasan Parlimen Tanjung dipilih menerima bantuan kelengkapan persekolahan di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian sumbangan disempurnakan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Abdul Malik berkata, pemilihan penerima adalah berdasarkan kemampuan pendapatan dan jumlah tanggungan sesebuah keluarga tanpa mengira kaum dan latar belakang.

"Tahun ini, bagi sesi persekolahan akan datang, kita telah memilih 40 pelajar iaitu 35 pelajar Melayu dan lima pelajar berketurunan India untuk diberi bantuan.

"Zakat (Pusat Urus Zakat, PUZ) menyumbang sebanyak 35 set kelengkapan untuk pelajar yang beragama Islam dan selebihnya adalah daripada peruntukan saya sendiri untuk pelajar-pelajar bukan beragama Islam," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Tahun 2015 dekat sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Malik turut berharap agar para penerima bantuan terbabit dapat memanfaatkan sepenuhnya pemberian baucar tunai dengan membeli kelengkapan yang perlu seperti pakaian seragam sekolah dan juga alat-alat tulis seperti pensel, pen, pensel warna, pemadam dan lain-lain.

# 'Notis' Abdul Aziz, SPR tak junjung semangat demokrasi - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEOGRE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyifatkan syor Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof mengeluarkan Notis Kajian Semula Persempadanan baru-baru ini tanpa terlebih dahulu merujuk kepada tiga wakil yang telahpun dilantik Kerajaan Negeri sebenarnya merupakan amalan yang tidak menjunjung semangat demokrasi berpelembagaan.

Katanya, Abdul Aziz dipertikai kerana mensyorkan SPR mempamerkan cadangan peta persempadanan semula selama sebulan untuk Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan sekumpulan pengundi yang tidak kurang daripada 100 orang bagi satu-satu kawasan pilihan raya menyatakan persetujuan atau kritikan sebelum proses perwartaan dilangsungkan di Dewan Rakyat.

Menurut Guan Eng, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik, Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru) dan Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa (Ahli Parlimen Parit Buntar) merupakan tiga wakil yang dilantik Kerajaan Negeri untuk berurusan dengan SPR.

"Tan Sri Abdul Aziz bolehlah membetulkan keadaan dan bersetuju untuk berjumpa dengan tiga wakil yang dilantik melalui Mesyuarat Exco untuk mewakili Kerajaan Negeri dalam aspek persempadanan kawasan pilihan raya," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera) dan Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) turut menyertai sidang media tersebut.

Terdahulu, Abdul Aziz mencadangkan notis sedemikian dikeluarkan memandangkan kajian semula persempadanan kawasan pilihan raya wajar dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lapan tahun.

Bagaimanapun, cadangan Abdul Aziz itu dipertikai banyak pihak kerana didakwa seakan cuba menyembunyikan tarikh sebenar SPR melakukan kajian semula persempadanan kawasan pilihan raya, yang sepatutnya dilangsungkan pada hujung tahun ini.

Abdul Aziz dalam reaksi spontan mengumumkan penangguhan proses mewarta Notis Kajian Semula Persempadanan tersebut atas dalih rata-rata pengundi di kawasan kajian semula SPR dilanda bencana banjir hingga kini.

Pun begitu, Abdul Aziz dilaporkan berkata, pada masa ini, hanya Notis Kajian Semula Persempadanan bagi negeri Sarawak yang sudah disiapkan dan akan dipamerkan kelak.

"SPR beri keutamaan kepada Sarawak kerana Sarawak telah meluluskan rang undang-undang untuk menambah jumlah anggota DUN (Dewan Undangan Negeri)," katanya dipetik daripada satu akhbar arus perdana.

November tahun lepas, dilaporkan, Persidangan DUN Sarawak telahpun meluluskan rang undang-undang untuk menambah jumlah anggota DUN daripada 71 ketika ini sekaligus menjadikan keseluruhan 82 kerusi DUN bakal dipertandingkan dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) akan datang.

Ditanya mengenai beberapa pihak yang menyuarakan rasa tidak puas hati dan pandangan kepada SPR berhubung kajian persempadanan semula, Abdul Aziz berkata, SPR melaksanakan proses persempadanan semula mengikut perlembagaan dan tidak berbuat sesuka hati.

"SPR juga tidak boleh mendengar cakap-cakap pihak tertentu," katanya.

Jelas beliau, kali terakhir Kajian Semula Persempadanan dibuat adalah pada tahun 2003.

Persempadanan semula merupakan satu daripada tanggungjawab utama SPR di bawah Perlembagaan bagi memastikan pengundi mudah mendapat perkhidmatan wakil rakyat masing-masing apabila sesebuah kawasan pilihan raya yang luas dikecilkan atau dipecah dua, seperti kawasan yang mempunyai pengundi lebih daripada 100,000 orang.



NG Wei Aik (kiri) dan Sim Tze Tzin menunjukkan salinan Notis Kajian Semula Persempadan oleh SPR pada sidang media di sini baru-baru ini.

Sebelum mewartakan notis berkenaan, SPR perlu memaklumkan kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selaku ketua kerajaan, mengikut peraturan yang ditetapkan.

Apabila notis berkenaan diumumkan, maka, bermulalah tempoh persempadanan semula dan notis itu akan dipamer selama sebulan (untuk menerima bantahan dan cadangan) daripada kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan kumpulan pengundi berdaftar, sekurang-kurangnya 100 orang dalam bahagian pilihan raya terbabit.

Laporan akhir mengenai syor kajian semua persempadanan kawasan pilihan raya itu perlu diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam tempoh tidak lebih dua tahun daripada tarikh Notis diumumkan untuk dibentangkan pada sesi persidangan Dewan Rakyat bagi mendapat kelulusan selaras dengan Seksyen 8, Jadual ke-13 Perlembagaan Persekutuan.

Laporan yang diluluskan oleh sidang Dewan Rakyat akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk ditandatangan sebelum diwartakan dan diguna pakai.

## Segerakan penubuhan IPCMC – Majlis Peguam

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**GEORGE TOWN –** Presiden Majlis Peguam Malaysia menggesa Kerajaan Persekutuan agar segera menubuhkan sebuah entiti pengawasan bebas terhadap pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dikenali, *Independent Police Complaints and Misconduct Commission* (IPCMC) bagi membina keyakinan lebih mendalam dalam kalangan awam terhadap pasukan keselamatan berkaitan.

Beliau, Christopher Leong berkata, IPCMC bakal berfungsi untuk menangani aduan, persepsi dan kebimbangan yang dibangkitkan orang awam terhadap pihak polis.

"Ia adalah masa yang sesuai untuk meningkatkan prestasi pihak polis dan pada masa sama, penubuhannya dapat menangani isu-isu mencabar berhubung perkhidmatan yang diamanahkan," ucapnya pada panganjuran Forum Awam Akauntabiliti Polis di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Pengerusi Penang Bar, Abdul Fareed Abdul Gafoor.

Menurut maklumat diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan di Parlimen tahun lalu, Christopher memberitahu, terdapat 231 kes kematian dalam tahanan dilaporkan berlaku antara tahun 2000 hingga Mei 2013.

"Pihak polis perlu memperbaiki kelemahan tertentu bagi menangani kes-kes sebegini (kematian dalam tahanan)," tegas beliau.

Sebelum itu, Guan Eng turut menyuarakan desakan sama supaya IPCMC ditubuhkan.

"IPCMC akan membantu mengelakkan kuasa polis daripada disalahgunakan.

"IPCMC bukan sahaja dapat meningkatkan integriti polis dan keyakinan orang ramai, malah, mengurangkan salah laku di dalam polis," ujar beliau.



CHRISTOPHER Leong (dua dari kiri) dan Ketua Menteri bergambar kenangan bersama-sama barisan panel lain pada penganjuran Forum Awam Akauntabiliti Polis di sini baru-baru ini.

# Melawan pelampau agama dengan demokrasi

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute.**

Serambi PENANG INSTITUTE
making ideas work

**SECARA** etimologinya Islam berasal daripada kata akar bahasa Arab yang bermakna keamanan. Malangnya, sebagaimana dinyatakan oleh pengulas politik terkenal Fareed Zakaria, Islam hari ini lebih kerap dikaitkan dengan terorisme dan kegiatan militan.

Memetik perangkaan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat, beliau menegaskan bahawa tujuh daripada 10 kumpulan utama yang melakukan serangan pengganas pada tahun 2013 merupakan kumpulan yang berkait dengan Islam. Tambahan pula, kebanyakan kes serangan berlaku di negara-negara majoriti Muslim.

Justeru, apa yang biasa dilihat pada zaman moden sebagai terorisme biasanya membawa konotasi Islam. Apabila seseorang memikirkan kumpulan pengganas, sudah tentu antara nama yang awal difikirkan adalah al-Qaeda, Negara Islam (Iraq dan Syria), Taliban dan Jemaah Islamiyah. Selain itu, secara lazimnya, hanya dalam masyarakat Islam kita akan dengar tentang pembunuhan maruah (honour killings), merejam "wanita berzina," hukuman mati untuk murtad serta pencabulan hak asasi manusia lain yang dijalankan atas nama agama.

Dalam konteks ini, munasabah untuk mencadangkan bahawa dunia Islam kini berhadapan dengan cabaran ekstremisme agama. Malah, ada yang mencadangkan bahawa keganasan itu merupakan citra fitrah agama Islam. Ada pula seperti Samuel Huntington yang mendakwa bahawa Islam secara dasar bercanggah dengan nilai-nilai ketamadunan Barat seperti demokrasi.

Walau bagaimanapun, pandangan dunia primodial ini adalah terlalu dangkal dan mengabaikan kerencaman tradisi Islam, serta hakikat bahawa bagi kebanyakan sejarah dunia, tamadun Kristian jauh lebih ganas dan kejam khususnya dalam layanan terhadap minoriti (sepertimana yang berlaku dalam Perang Salib, Pasitan Sepanyol dan pemburuan ahli sihir).

Lebih penting lagi, perspektif sebegitu juga tidak mengambil kira hakikat bahawa evolusi agama, seperti mana-mana ideologi sosiologi lain, sebahagian besarnya didorong dan dibentuk oleh kepentingan politik dan bukannya doktrin ketuhanan.

**Islam sebagai alat kuku besi**

Menurut Pew Research Center, 19 daripada 24 negara yang paling terbatas di dunia dari segi amalan agama merupakan negara majoriti Islam. Malangnya, Malaysia termasuk dalam senarai memalukan ini bersama-sama dengan negara seperti Mesir, Syria, Afghanistan, Sudan dan Iraq, di mana "undang-undang, dasar dan tindakan" mengenakan "sekatan terhadap kepercayaan dan amalan agama" yang sangat ketat.

Pun begitu, sebelum tergesa-gesa membuat kesimpulan bahawa ini membuktikan Islam adalah konservatif dan bersifat menindas, kita harus ingat bahawa senarai sama juga menyenaraikan China, Vietnam, Myanmar, Rusia dan Eritrea, di mana tidak satu pun merupakan negara majoriti Muslim. Sebaliknya, semua negara tersebut berkongsi kekurangan ruang demokratik yang ketara serta mengamalkan bentuk tadbir urus gaya autoritarian.

Oleh itu, mungkin hipotesis yang lebih tepat adalah semakin kuat cengkaman autoritarianisme dalam sesebuah negara, lebih tegar dan konservatif pengalaman agama di negara tersebut. Ini kerana pentadbir akan cuba untuk mentafsir, menentukan dan mengawal agama tersebut. Maka, adalah tidak mengejutkan bahawa di negara-negara majoriti Muslim, Islam makin dirampas dan dipergunakan sebagai alat untuk menyekat persaingan ideologi serta memberi legitimasi kepada hegemoni kuasa autoritarian.

Pada ketika ini, seseorang boleh mengemukakan cadangan bahawa mungkin ada sesuatu tentang Islam yang menjadikan masyarakat Muslim mudah terdedah kepada pemerintahan totalitarianisme. Walau bagaimanapun, seperti yang saya kemukakan sebelum ini, mana-mana ideologi dominan boleh dan akan digunakan oleh rejim yang tidak demokratik. Gantikan sahaja Islam dengan sifat nasionalisme dan kita boleh bayangkan Nazi Jerman, atau dengan sosialisme pertanian melampau dan kita akan segera membayangkan Pol Pot di Kemboja.

Dalam erti kata lain, isunya bukan ideologi tetapi politik dan pengagihan kuasa. Di tangan rejim autoritarian, Islam sememangnya boleh menjadi alat ideologi yang kuat. Pun begitu, terdapat juga banyak contoh di mana Islam boleh menjadi pemangkin kepada kebebasan dan pencerahan.

Ambil sebagai contoh gerakan islah di Mesir pada abad ke-19 dan awal ke-20 yang diterajui oleh para pemikir progresif seperti Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Rida. Kembali lebih jauh ke sejarah dan kita akan berjumpa dengan kemajuan yang dibawa oleh Islam, khususnya semasa kemuncak Zaman Kegemilangan Islam dari abad ke-9 hingga abad ke-13, apabila pemikir dan cendekia Muslim memimpin dunia dalam bidang matematik, fizik, perubatan dan astronomi.

**Siapa yang mentakrifkan realiti?**

Jelas bahawa Islam sama ada boleh disalahguna untuk menindas rakyat, atau digunakan untuk membolehkan kebebasan dan pencerahan. Ini adalah dua realiti sosial yang amat berbeza, jadi persoalannya ialah: apakah yang menentukan realiti ini?

Saya mencadangkan bahawa perkara ini banyak bergantung kepada dinamik yang wujud dalam pengalaman agama di negara tertentu. Meminjam daripada ahli sosiologi Shamsul AB, realiti sosial boleh menjadi "authority-defined," iaitu ditentukan oleh mereka dalam struktur kuasa yang dominan, atau "everyday-defined," yang menggambarkan pengalaman orang ramai dalam perjalanan kehidupan seharian. Kedua-dua realiti sosial tidak saling eksklusif dan dalam kebanyakan kes, wujud seiring, walaupun sering berkonflik antara satu sama lain.

Di mana ruang demokratik wujud dan lebih organik, pengalaman Islam "everyday-defined" akan berkembang dan menjadi dominan. Dalam kes ini, Islam bukan sahaja akan menjadi lebih aman dan bertolak ansur, ia juga akan membolehkan kemajuan peradaban. Masalah hanya timbul apabila pemerintah memutuskan untuk mengetatkan kawalan.

Ambil sebagai contoh, keributan baru-baru ini sekitar program "I want to touch a dog" yang diadakan di Central Park, Bandar Utama, Selangor. Apabila dilaporkan bahawa beberapa peserta Muslim bergambar memegang anjing, Majlis Fatwa Kebangsaan berhimpun dan mengambil keputusan bahawa menyentuh anjing adalah bertentangan dengan ajaran Islam takrifan rasmi. Peraturan ini bukan sahaja mengabaikan pelbagai pandangan ilmiah mengenai perkara tersebut, tetapi juga tidak selaras dengan tradisi dan amalan yang lama wujud dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia.

Demikian juga dengan kes rampasan Bible berbahasa Melayu, serbuan ke atas gereja yang menjalankan upacara dalam bahasa Melayu, serta pengharaman penggunaan kalimah "Allah" oleh bukan Muslim. Selama berdekad-dekad, gereja-gereja, khususnya di Malaysia Timur, giat menggunakan Bible berbahasa Melayu, mengajar pengikut mereka dalam Bahasa Kebangsaan dan juga berkongsi nama "Allah" untuk merujuk kepada Tuhan. Keadaan ini tidak pernah menjadi isu dalam masyarakat kita sehingga hari ini, ketika pemerintah dengan tiba-tiba memutuskan bahawa amalan sedemikian akan membahayakan iman Melayu-Islam di negara ini.

Jelas sekali, terdapat agenda politik yang mendasari setiap tindakan ini. Pemerintah jelas ingin memaksakan takrifan "authority-defined" untuk menentukan bagaimana Islam harus diamalkan. Sebagaimana gambaran contoh di atas, hasilnya adalah provokatif, tidak logik dan bertentangan dengan norma-norma masyarakat "everyday-defined." Secara kesimpulan, pengawalan dan kekangan ke atas agama merupakan cara untuk menghalalkan kuasa pemerintah.




ZAIRIL Khir Johari (barisan kedua, empat dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama ahli jawatankuasa dan para penerima sumbangan Bantuan Persekolahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2015 Peringkat KADUN Teluk Air Tawar.



SUMBANGAN Bantuan Persekolahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang disampaikan oleh Zairil Khir Johari (berdiri, empat dari kiri) kepada salah seorang pelajar.

**Pendemokrasian budaya**

Berbeza dengan sifat parokial Islam yang dilaungkan oleh pihak berkuasa, pengalaman Islam "everyday-defined" di rantau ini sentiasa akomodatif, progresif dan yang paling penting, aman.

Ambil sebagai contoh isu kepimpinan wanita, konsep yang telah ditolak oleh pihak tertentu semasa krisis kepimpinan di Selangor baru-baru ini. Mereka yang menentang kemungkinan seorang wanita dijadikan menteri besar telah menggunakan alasan budaya dan agama. Namun perspektif sempit ini sebenarnya mendustakan hakikat bahawa kepimpinan wanita merupakan inovasi lama dalam dunia Melayu, sebagaimana pengalaman sejarah Pattani, Acheh, Solor, Jambi dan juga Kelantan membuktikan.

Sama juga dengan obsesi ke atas terjemahan Bible dalam bahasa Melayu. Hari ini, kerajaan mempertahankan pelampau yang membuat ancaman terbuka untuk membakar Bible, atas dasar bahawa mereka sekadar melindungi kesucian Islam. Tindakan ini sama sekali tidak selari dengan hakikat bahawa Bible berbahasa Melayu telah wujud sejak tahun 1628 apabila Belanda pertama kali menghasilkan versi Indonesia. Setelah hampir empat abad, pihak berkuasa agama Malaysia mungkin terkejut jika diberitahu bahawa Indonesia tidak bertukar menjadi sebuah negara Kristian. Sebaliknya, Indonesia merupakan negara dengan bilangan umat Islam yang terbanyak di dunia.

Adalah jelas daripada pengalaman rantau ini bahawa idea dan cita-cita Islam yang berakar umbi dalam kesaksamaan, keadilan dan kemajuan sosial boleh dan akan berkembang secara organik apabila tidak dikekang oleh batasan yang dipaksakan atas tujuan politik. Sikap melampau timbul apabila suara hati dan kebebasan rakyat ditindas.

Oleh itu, perjuangan menentang ekstremisme agama hendaklah bermula dengan tuntutan bagi ruang yang lebih demokratik dalam kancah politik, sosial dan budaya. Hanya usaha pemberdayaan dan pencerahan yang mampu mengembalikan amalan dan tafsiran agama kepada masyarakat, serta menjauhkannya daripada komplot pemerintah.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS** | |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 011-1060 8823 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 013 - 598 1435 | - Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 010 - 929 6603 | - Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong | : 012 - 465 0021 | - Tina |
| | Bungah | 011 - 12441069 | - Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017-413 5695 | - Johan Abu Bakar |

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015**

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Shafiqah Shobha Abdullah | 016 - 496 1659 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Omar Hassan | 019 - 571 8031 |
| Dahalan Fazil | 019 - 727 4388 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2015**

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Yacoob Omar | 013 - 420 3611 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |


**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN


sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758


Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256


## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang 2015








LENSA Buletin Mutiara sempat merakam kemesraan ibu kepada ADUN Datuk Keramat, Gurmit Kaur bersama cucu-cucunya pada Majlis Sambutan Hari Krismas dan Tahun Baru 2015 DUN Datuk Keramat.



DR. Afif Bahardin (kiri sekali) bersalaman dengan kumpulan nelayan Kuala Muda pada Program Jelajah Desa 2014 Peringkat Seberang Perai Utara.



AHLI Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman (lima dari kanan) sambil ditemani Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif (lima dari kiri) bersama-sama para jemputan menunjukkan tanda bagus pada Majlis Penyampaian Hadiah Program Pertandingan Taman Bersih 2014.







AKSI pasukan bola sepak Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ram Karpal Singh (barisan depan, tiga dari kanan) sebelum berentap pada Program Karnival Rakyat & Pertandingan Bola Sepak 7 Sebelah.



EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin meneliti keadaan sangkar-sangkar ikan pada sesi lawatan beliau ke lokasi berkaitan di Sungai Udang.



EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng memeluk erat salah seorang peserta 'istimewa' pada penganjuran program amal, *Let's Walk, Run & Zumba - Fundsraising for Eden Handicap.*




AHLI Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari (depan, dua dari kanan) bersama-sama para peserta *Trail in Twilight Stars Penang* menunjukkan tanda bagus pada penganjurannya.



AKSI dua pemancing pada Pesta Memancing & Karnival Sukan DUN Pantai Jerejak.

# GST secara terburu-buru beri kesan kepada rakyat - Exco

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

"Ia merupakan contoh teladan baik bagi golongan muda agar membentuk masa depan yang lebih penyayang, malah, pada masa sama mampu mengurangkan jurang antara golongan berada dan kurang bernasib baik seperto OKU," katanya pada Majlis Pelepasan Peserta Program Lets Walk, Run and Zumba Charity 2014 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri



**AKSI para peserta pada program *Lets Walk, Run and Zumba for Charity 2014* di sini baru-baru ini.**

(ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan Pengurus Besar Eden Handicap Service Centre, Bertie Tye.

Penganjuran program tersebut adalah sebahagian daripada program mengumpul dana sekitar RM1 juta untuk membeli lima kenderaan direka khas untuk OKU.

Selain dewasa dan kanak-kanak, 29 peserta berkerusi roda dan kanak-kanak istimewa merupakan antara 500 yang mengambil bahagian.

Serentak itu, enam kenderaan OKU turut disampaikan kepada Eden Handicap Service Centre, iaitu dua buah dari Pertubuhan Wanita Mutiara dan masing-masing sebuah dari *Lions Club Georgetown, Rotary Club of Georgetown, Hotayi Electronic* serta seorang dermawan dari Kuala Lumpur. Kenderaan terbabit bernilai RM150,000 setiap sebuah.



***POSE* menarik para peserta yang berjaya dirakam lensa Buletin Mutiara.**

## Kempen kesedaran sempena cuti sekolah

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NAZLEEN NAJEEB**

**AIR IT AM –** Sempena cuti penggal persekolahan hujung tahun 2014, Perbadanan Pertubuhan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bersama-sama Kerajaan Negeri, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu, Briged Wanita, dan Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam menganjurkan Kempen Kesedaran Scan Kanak-kanak di sini.



**KUMPULAN kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam Kempen Kesedaran Scan Kanak-kanak mengibarkan bendera kempen *Penang Goes Orange 2014* di sini baru-baru ini.**

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, penganjuran tersebut adalah bagi membolehkan golongan kanak-kanak di komuniti Kampung Melayu mengisi masa terluang dalam melahirkan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran serta perkembangan minda.

"Kini, sasaran Kerajaan Negeri adalah mensasarkan 300 naskah buku dan bahan-bahan bacaan dapat ditempatkan di Dewan JKKK Kampung Melayu untuk kegunaan anak-anak di sini.

"Pada masa sama, ibu bapa juga diharap dapat memberi kerjasama dengan menghantar anak masing-masing bagi manfaat bersama," jelas beliau pada penganjuran program berkenaan di sini baru-baru ini.

Antara aktiviti yang diadakan adalah penulisan, penjagaan alam sekitar terutamanya persekitaran Kampung Melayu, seminar untuk membangkitkan kesedaran sivik dalam kalangan kumpulan berkaitan.

Seramai 55 kanak-kanak dari Flat Kampung Melayu di sini hadir memanfaatkan program yang turut memupuk kesedaran berhubung keganasan terhadap habis golongan wanita dan kanak-kanak.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

# Satu rumah, satu pokok durian belanda - Pak Tam

**DAHULU,** pokoknya hanya dibuang dan tiada sesiapa pun yang ingin menanam ia. Sekiranya di kampung, pokok seakannya, nona adalah lebih digemari, malah lebih dikenali berbanding durian belanda yang seasing nama ia.

Kini, harga jualan durian belanda mampu mencecah lebih RM20 sekilogram (kg).

Kata orang, makan durian belanda mampu mengubati kanser dan buahnya memiliki kadar antioksidan tertinggi berbanding buah-buahan lain.

Menurut Aidi Akhbal Mohd. Zainon yang merupakan pembekal puri durian belanda di pasaran utara Semenanjung Malaysia pada sesi wawancara bersama-sama Buletin Mutiara baru-baru ini menyatakan bahawa terdapat beberapa testimoni berhubung keberkesanan khasiat ia.

"Tiga pesakit kanser tahap tiga yang masing-masing menetap di Kulim (Kedah), Taiping (Perak) dan Bukit Merah (Perak) yang hampir dibedah akhirnya tidak jadi menjalani pembedahan.

"Malah, bagi wanita mengandung, ia mampu mengelak bayi daripada terkena penyakit kuning (jaundis)," katanya sambil menyatakan bahawa penyakit tiroid beliau juga telah sembuh hasil amalan pemakanan dalam tempoh enam hingga tujuh bulan sebelum ini.

Aidi Akhbal yang lebih dikenali dengan panggilan Pak Tam memberitahu, tiada sukatan khas berhubung amalan pemakanan puri asli tanpa bahan tambahan dan perisa yang dipek 1kg setiap botol. Harga jualan adalah RM35 bagi setiap botol.

"Kaedah pemakanan adalah amat senang. Puri durian belanda yang dikisar sekali dengan bijinya hanya perlu dibancuh dengan air.

"Sekiranya dibekukan, produk dapat bertahan selama tiga bulan, bahagian peti ais biasa (tiga minggu) dan suhu bilik (tiga hari)," jelas beliau.

Mengulas mengenai pembabitan beliau, Pak Tam menyatakan bahawa syarikat hasil perkongsian bersama-sama beberapa ahli keluarga terdekat asalnya mengimport buah-buahan eksotik seperti buah salak, durian belanda dan avocado dari Vietnam serta Indonesia selain bekalan dalam negara.



POKOK dan buah durian belanda. (Gambar : Sumber Internet).

"Sepanjang proses pemindahan itu, terdapat banyak buah durian belanda rosak dan terpaksa dibuang.

"Sambil-sambil tengok buah (durian belanda) yang bazir dibuang, tiba-tiba terfikir bahawa boleh ambil purinya untuk dijadikan produk minuman demi kesihatan," ujarnya dengan menyatakan bahawa lokasi kilang pemprosesan adalah di Sungai Buloh, Selangor.

Mengulas lanjut, walaupun penerimaan durian belanda masih baru dalam kalangan masyarakat, sambutan terhadap produk yang dijual adalah amat menggalakkan.

"Kini, terdapat 80 *dealer* di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Malah, kita masih buka kepada peniaga-peniaga yang berminat menjadi pembekal di pasaran utara Semenanjung.

"Kami masih memerlukan ramai *dealer* di Pulau Pinang. Kita akan bagi keuntungan paling tinggi untuk pembekal kita berbanding buah-buahan lain di Malaysia.



AIDI Akhbal Mohd. Zainon atau Pak Tam.

"Malah, melalui strategi pemasaran yang digunakan kini iaitu menerusi iklan suratkhabar, mulut ke mulut, radio dan jurnal agro, kira-kira 300 hingga 400 botol puri dapat dijual dalam tempoh sebulan," jelas Pak Tam.

Tambah beliau, persaingan dalam bidang berkaitan kini adalah masih amat rendah.

Apa yang penting, baginya adalah mewujudkan kesedaran umum berhubung khasiat durian belanda.

"Kita harapkan semua orang Malaysia makan durian belanda. Malah, satu rumah, perlu adanya sepohon pokok durian belanda," serunya.

Pak Tam memberitahu, sebagai perancangan masa depan, syarikatnya bakal memiliki ladang durian belanda sendiri di Lanchang, Pahang bagi menjamin pembekalan secara berterusan dan mengurangkan kadar import.

"Malaysia adalah negara yang paling sesuai ditanam durian belanda. Ini adalah didorong oleh faktor cuaca yang tidak terlalu kering dan terlalu basah.

"Apa yang penting, kami bukan semata-mata ingin cari keuntungan, sebaliknya, demi kepentingan kesihatan semua rakyat negara ini," kata beliau mengakhiri sesi wawancara baru-baru ini.

**INFO :**
**Puri Asli Resources**
**No. 50, Medan Suri Sungai Nibong, Pulau Pinang.**
**Emel :**
**rimbunniaga@gmail.com**
**No. Tel. : 04 - 643 9473 / 012 - 464 3004**





PURI durian belanda yang dibotolkan.



ISI durian belanda. (Gambar : Sumber Internet).

# Sayang Aqilah Satira di 'Kasih Abadi'

**BAGI** yang berkunjung ke Gedung Tesco Extra dekat Seberang Jaya pada sebelah malam hari Jumaat hingga Ahad, tentu mereka terdorong melihat koreografi damai sekumpulan kanak-kanak, bersulam bait lagu indah belaka.

Semuanya secara percuma, hiburan sederhana yang sarat dengan pengajaran yang kadang-kadang menggamit rasa rindu kepada Allah dan Rasul.

Sehinggakan ada yang bertanya, siapa mereka? Apa sebenarnya dilakukan oleh mereka ini?

Wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** berpeluang mendekati 'orang kuat' di sebalik projek amal ini.

Beliau tak lain tak bukan adalah Puan Aqilah Satira Mohd. Yusof, 47, wanita kental dan ibu kepada sembilan anak.

"Ini, kita panggil tarian sufi moden, semua yang terlibat di atas pentas ini adalah anak-anak terpilih dari rumah pelindungan Pusat Jagaan Kasih Abadi yang dibimbing oleh remaja dari Akademi Generasi Harapan.

"Tarian Sufi Moden ini membawa mesej hiburan yang memujuk kita semua untuk mencintai Allah dan merindui Rasul-Nya, melalui lagu-lagu teladan daripada terjemahan suatu suci Al-Quran, hadith, kisah-kisah sahabat dan sebagainya," ujarnya semasa ditemui di gedung membeli-belah berkenaan.

Difahamkan, semasa itu, Aqilah Satira sedang mengikuti dari dekat raptai persembahan anak-anak terpilih berkenaan untuk Karnival Maulidur Rasul 1436H di gedung berkenaan yang dijadual bermula pada 12 Rabiulawwal bersamaan 3 Januari 2015.

**SEPENUH MASA DAKWAH**

Tahu tidak tahu, Aqilah Satira merupakan seorang graduan dari *University of Essex,* England dari tahun 1988 hingga 1991 dalam bidang T.E.S.L atau *Teaching of English as a Second Language*.

Sejak di luar negara lagi, wanita kental berkenaan berjinak-jinak dengan pergerakan dakwah dalam dunia pendidikan kanak-kanak.

Sekembalinya ke tanah air, beliau sempat menjadi guru Bahasa Inggeris sebelum mengambil keputusan untuk terjun sepenuh masa dalam pergerakan amal serta dakwah, sebagaimana dilihat di Pusat Jagaan Kasih Abadi yang ada pada hari ini.

Baginya, beliau mahu membawa kelainan pada Pusat Jagaan Kasih Abadi dengan memberi penumpuan pada pendidikan hati atau rohani.

"Pusat Jagaan Kasih Abadi ini sangat mementingkan pendidikan hati atau rohani dalam tempoh 24 jam kerana rohani yang disirami rasa kuat dengan Allah dan Rasul akan melahirkan keperibadian yang agung. Ia bermula dengan sembahyang yang dihayati. Sembahyang untuk membesarkan dan meng-agungkan Allah. Ini ditanam dalam jiwa anak-anak Pusat Jagaan Kasih Abadi sejak mereka kecil lagi.

"Yang paling penting adalah hati, kerana hati yang bersih akan mendorong pembentukan rohani, jasmani, emosi dan mental yang baik," jelas Aqilah Satira.

Katanya, Rasulullah S.A.W sendiri pernah bersabda yang bermaksud, *"Ketahuilah bahawa dalam setiap jasad itu ada seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati."* [Hadis sahih riwayat al-Imam al-Bukhari dan Muslim]

Setakat ini, kata beliau, seramai 18 kanak-kanak terpilih yang menghuni Pusat Jagaan Kasih Abadi berusia antara enam tahun hingga 12 tahun.

Setiap hari, apabila pulang dari Sekolah Kebangsaan Permatang Pauh, mereka ini menerima pembelaan, kasih sayang dan didikan yang berterusan dari tim penjaga yang berjiwa muroqib.

"Bukan tak baik institusi pendidikan hari ini, tapi yang terlalu diberi fokus hanya lah pada akal seperti pencapaian akademik semata-mata, sedangkan bagaimana dengan didikan rohani?

"Kita lihat dunia barat yang membangun maju, tetapi nilai insaniah mereka hancur bukan?

"Islam memberi jalan keluar iaitu membangunlah, tetapi sertailah dengan keimanan, iaitu rasa takutkan Allah dan rindukan Rasul, insyaAllah lahirlah tamadun manusia yang selamat dan menyelamatkan orang lain.

"Jadi, hati ini mesti dihidupkan dengan perasaan takut dan cintakan Allah serta rindukan Nabi, barulah akan wujud kasih sayang sesama manusia.

"Sebagai contoh, solat. Semua kita (umat Islam) solat, tetapi, tak semua merindui Allah dalam solatnya dan di luar solatnya.

"Islam agama kasih sayang, maka hati ini mesti dipagar dengan takut dan cintakan Allah serta rindukan Nabi, barulah lahir kasih sayang sejati sesama manusia," ujar Aqilah Satira semasa diminta menjelaskan falsafah pendidikan yang cuba diterapkan di Rumah Jagaan Kasih Abadi.

Tambah beliau, banyak pihak sebenarnya menyokong usaha amal ini.

"Alhamdulillah, banyak pihak membantu...macam Pusat Jagaan Kasih Abadi sendiri yang tiap-tiap bulan memerlukan kira-kira RM10,050 untuk sewa rumah, keperluan sekolah anak-anak, utiliti, makan minum dan kebajikan tiga staf. Mereka dididik untuk meminta kepada Allah, maka ada sahaja hati yang tampil menyumbang," jelas beliau.

**DUNIA KORPORAT**

Menurut Aqilah Satira, Rumah Pusat Jagaan Kasih Abadi merupakan salah satu projek amal di bawah GISB Holdings Sdn. Bhd..

Selain mengurus pusat pelindungan tersebut, beliau juga mengurus kilang memproses ayam Ikhwan di Seberang Perai Utara.

"Kilang ayam Ikhwan adalah salah sebuah kilang di bawah GISBH yang sangat menitik beratkan hal taharah (kesucian) sumber makanan yang dimakan oleh kita tiap-tiap hari.

"Saya sebenarnya salah seorang tim pengurusan kilang memproses ayam Ikhwan di Lahar Yooi atas nama (syarikat) Cahaya NM Sdn. Bhd..

"Selain kilang memproses ayam, GIHSB ini turut mempunyai rangkaian kafe di tiap-tiap negeri di Malaysia dan juga di luar negara, seperti di Manchester (United Kingdom), Frankfurt di Jerman, Istanbul (Turki) dan di beberapa negara dekat Timur Tengah dan Asia Tenggara.

"Ramai orang yang hendakkan Islam akan ke masjid, tetapi, kita cuba membawa kongsikan keindahan Islam di luar masjid seperti di gedung membeli-belah ini, di kilang kita, ke Rumah Jagaan Kasih Abadi dan di restoran-restoran yang dibuka di tanah air dan luar negara," tambah Aqilah Satira.

**HARAPAN**

Aqilah Satira merakamkan penghargaan kepada Cik Hajar dari pihak Tesco Seberang Jaya di atas peluang yang mereka berikan sehingga berlaku kerjasama indah atas nama Program Masyarakat Penyayang untuk membawa anggota masyarakat samada korporat atau individu untuk lebih prihatin lagi dengan tanggungjawab sosial masing-masing terhadap program amal yang dilakukan melalui Pusat Jagaan Kasih Abadi.

Beliau turut melahirkan rasa syukur kepada Allah kerana GISBH turut ditaja sebuah *booth* pameran oleh Pejabat Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang I atas nama Usahawan pada *Penang International HALAL Expo & Conference 2015* (PIHEC) yang dijadual selama tiga hari mulai 30 Januari ini di *Subterranean Penang International Convention and Exhibition* (SPICE) dekat Bayan Baru.

"Insya-Allah, kita akan menyertai PIHEC untuk mempromosi produk halal lagi suci jenama Ikhwan ini.

"Hati yang cintakan Allah dan rindukan Rasul-Nya, akan melimpah kasih sayang sesama insan," jelas Aqilah Satira.




**AQILAH Satira Mohd. Yusof (bertudung merah) di set persembahan tarian sufi moden dekat gedung membeli belah Tesco Extra Seberang Jaya.**

**Info Grafik:**
**Zakat atau sumbangan cek boleh disumbangkan atas nama Pusat Jagaaan Kasih Abadi melalui akaun 557 447 501 562 (Maybank) atau 105 600 008 488 (Affin Bank). Info lanjut, Aqilah Satira Mohd. Yusof melalui whatsapp, 013-263-9029.**

# Tambahan 500 CCTV di pulau 2015

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) merancang untuk menambah 500 unit kamera litar tertutup (CCTV) tahun ini selaras hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang bandar selamat.

Bercakap kepada media, bekas Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur & Lalulintas MPPP, Muhammad Sabri Md. Osman memberitahu bahawa jumlah tersebut bakal meliputi kawasan Tanjung Bungah hingga Teluk Bahang, Persiaran Karpal Singh, sebahagian kawasan perindustrian dan beberapa kawasan lain di bahagian pulau.

Jelas beliau, kini MPPP mempunyai sejumlah 258 unit CCTV di seluruh kawasan pulau dan 56 daripadanya adalah disumbangkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KKBPKT).

"Pemasangan CCTV adalah ke arah bandar selamat dan pihak Majlis telah mengenalpasti 23 lokasi *hotspot* untuk tujuan ini.

"Ia bukan sahaja digunakan untuk memantau keadaan trafik di sini (pulau), sebaliknya, turut digunakan oleh pihak PDRM (Polis Diraja Malaysia) untuk tujuan keselamatan," ujarnya selepas Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Kejuruteraan MPPP, Addnan Mohd. Razali.

Menurut Muhammad Sabri, pemasangan CCTV berkaitan dijadualkan bermula pada pertengahan tahun ini secara berperingkat dengan sebahagian besar kosnya disumbangkan MPPP.

Dalam pada itu, tambah Addnan, menjelang tahun 2017, Majlis menyasarkan sejumlah 3,000 CCTV bakal dipasang di seluruh kawasan pulau.

"Dari segi infrastrukturnya, ke arah matlamat tersebut, kita (MPPP) akan menjadikan tingkat 13 di Komtar sebagai bilik pemantauan CCTV memandangkan bilik sedia ada kini telah penuh," ujar beliau.



**MUHAMMAD Sabri Md. Osman menunjukkan *hotspot* kawasan pemasangan CCTV yang telah dikenalpasti pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Pembangunan Persiaran Gurney utama kebajikan penduduk



**MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (bertali leher biru) ketika menjawab pertanyaan pihak media di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN –** Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Muhammad Bakhtiar Wan Chik baru-baru ini mengumumkan cadangan pembangunan di atas sebidang tanah milik pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit berlokasi di Persiaran Gurney di sini.

Katanya, pembangunan yang masih dalam rangka notis permohonan cadangan (RFP) tersebut memberi jaminan bahawa kebajikan dan keperluan penempatan diutamakan iaitu memastikan penduduk serta penyewa berdaftar mendapat pampasan sewajarnya.

"Mengikut dasar Kerajaan Negeri, pihak pemaju diwajibkan menyediakan rumah ganti di atas tapak tersebut ataupun memperuntukkan bayaran pampasan yang sewajarnya dalam tempoh pembinaan.

"Mereka (pemaju) hendaklah menyelesaikan semua isu-isu di atas tanah tersebut. Ini termasuk penempatan setinggan, penyediaan akses jalan dan mengambil kira cadangan jalan persisir pantai.

"Ini adalah jaminan kepada penduduk. Kita (Majlis) bukan hendak cari masalah dengan mereka (penduduk), tetapi kita (Majlis) ingin laksanakan pembangunan," ujarnya selepas Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Mengikut rekod, terdapat hampir 45 penyewa berdaftar yang menghuni di atas tanah seluas empat ekar tersebut.

Muhammad Bakhtiar memberitahu, Jabatan Perancangan Pembangunan MPPP telah diminta menyediakan dokumen RFP yang dijangka dibuka kepada umum pada awal tahun ini.

Mengulas lanjut, jelasnya, pihak pemaju turut disyarat menyediakan sekurang-kurangnya satu blok rumah mampu milik untuk diserahkan kepada MPPP.

"Kawasan tersebut bukan sahaja dibangunkan, tetapi lebih banyak rumah mampu milik dapat didirikan.

"Jumlah unit dan saiz adalah mengikut garis panduan dan polisi sedia ada," ujar beliau.

## Lesenkan anjing sebelum penguatkuasaan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**AIR ITAM –** Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), S. Sukumar menyeru semua pemilik anjing agar dapat melesenkan binatang peliharaan itu serta-merta sebelum tindakan penguatkuasaan diambil.

Menurutnya, melesenkan anjing bukan suatu beban kerana bayaran yang dikenakan adalah cukup rendah iaitu RM10 bagi seekor anjing untuk tempoh setahun.



**S. SUKUMAR (kiri) mengedarkan risalah perlesenan anjing MPPP kepada salah seorang umum di sini baru-baru ini.**

"Ini adalah selaras dengan Undang-undang Kecil 1997 dan bagi pemilik yang gagal berbuat demikian dan dikenalpasti bakal dikenakan denda sebanyak RM250.

"Malah, selain kesalahan tidak memiliki lesen, denda RM2,000 dan penjara setahun juga boleh dikenakan kepada pemilik yang membiarkan anjing terus menyalak, tidak diberi makan secara terurus dan tidak memberi vaksin untuk pencegahan penyakit," jelasnya ketika mengedarkan risalah kesedaran pemilikan lesen anjing di Jalan Zoo di sini baru-baru ini.

Menurut Sukumar, mengikut rekod MPPP, anjing yang dilesenkan kini hanya sekitar 33 peratus bersamaan satu pertiga daripada jumlah pemilik yang mempunyai lesen.

"Bagi baka anjing seperti *Pit Bull Terrier, American Bulldog, Neopolitan Mastiff, Japanese Tosa, Akita, Dogo Argentino* dan *Fila Brazilliero* merupakan jenis-jenis anjing yang tidak dibenarkan masuk ke Malaysia dan tidak boleh dilesenkan," tegas beliau. Tambahnya, pemeriksaan berkala akan dijalankan dari semasa ke semasa di kawasan-kawasan kejiranan yang mempunyai anjing peliharaan.

"Pada masa sama, pemilik anjing turut digalakkan untuk meletak papan tanda amaran di luar premis atau kediaman masing-masing sebagai amaran dan keselamatan awam," ujar Sukumar.



**BEBERAPA kakitangan MPPP memerhatikan risalah gesaan melesenkan anjing peliharaan yang diedarkan.**

# 15 tan bantuan kemanusiaan ke Kelantan 1 Jan.



MOHAMAD Sabu (tengah) dan para Ahli Majlis MPSP lain saling bergotong-royong memunggah naik barang kelengkapan ke dalam sebuah lori untuk konvoi penghantaran ke Kelantan baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Zulkifli Ibrahim berkata, konvoi tujuh kenderaan yang membawa pelbagai bantuan kemanusiaan seberat hampir 15 tan bertolak pada tengah malam tahun baru 2015 dan sampai di kawasan bencana banjir sekitar kawasan Parlimen Bachok, Kuala Krai dan Tumpat dekat Kelantan pada tengah hari 1 Januari.

"Fokus bantuan kemanusiaan ini berupa barang-barang makanan segera yang tidak perlu dimasak serta kelengkapan asas lain seperti air mineral, lampin, kelengkapan persekolahan, tuala wanita, mandian dan cucian serta bantal.

"Semua sumbangan tunai disumbangkan oleh surau, gereja, dan rumah-rumah ibadat yang dianggarkan (bernilai) lebih RM100,000 ditukarkan kepada barang keperluan dalam hampir 500 kotak untuk dihantar ke sana (Kuala Krai)," ujarnya selaku koordinator konvoi tersebut pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hampir semua Ahli Majlis MPSP, wakil Persatuan Kebajikan Sukan & Sosial MPSP (PESUKA) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain menyertai projek bantuan amal tersebut.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Mohamad Sabu sebagai pengantara yang dipertanggungjawab menyambut konvoi di Kelantan nanti.

Menurut Zulkifli, beliau sendiri akan mengetuai konvoi yang turut disertai 15 sukarelawan lain rata-rata adalah Ahli Majlis MPSP.

Selain PESUKA, menurut beliau, seramai 60 orang adalah daripada beberapa NGO seperti *Perda City Mall, Jentron Black,* TH Farmasi dan Gemilang Tiga Puluh Auto yang turut menjayakan projek pengumpulan barangan serta sumbangan kilat selama tiga hari bermula 29 Disember tahun lepas.

Serentak itu, Zulkifli turut merakamkan penghargaan kepada See Hup Transportation Sdn. Bhd. yang menaja pengangkutan serta Danpillo Marketing (M) Sdn. Bhd. yang menaja bantal untuk keperluan mangsa bencana.




MISI Kemanusiaan Bantuan Mangsa Banjir MPSP dilancar.

# MPPP bakal terima status Bandaraya

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bakal bertukar status kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Perkara tersebut diumumkan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri dimaklumkan mengenai perihal tersebut melalui surat rasmi dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertarikh 10 Disember 2014.

"Kini, kita (Kerajaan Negeri) hanya menunggu perkenan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan butiran lanjut akan dimaklumkan sejurus selepas mendapat perkenan kelak," jelas Kon Yeow.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri telah membangkitkan perkara berkenaan (penukaran status) pada 4 Mac 2014 semasa mesyuarat kebangsaan kerajaan tempatan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyidin Yassin.

Malah, kata Kon Yeow, sejak tahun 2010, Kerajaan Negeri telah mula melobi KPKT supaya menaiktaraf majlis perbandaran ke majlis bandaraya.

"Selepas menunggu empat tahun, permohonan kita (Kerajaan Negeri) mendapat reaksi positif dan dengan status baru tersebut, ia akan memberi lebih 'kuasa' dan bajet yang lebih besar terutamanya dalam pengurusan trafik serta penguatkuasaan," ujar beliau.

Tahniah MBPP!

**MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG**

## IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | TARAF |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perubatan | UD47/48 | Tetap |
| 2. | Pegawai Perubatan | UD43/44 | Tetap |
| 3. | Pegawai Veterinar | G41 | Tetap |
| 4. | Akauntan | W41 | Tetap/Kontrak |
| 5. | Penolong Pegawai Tadbir | N27 | Tetap/Kontrak |
| 6. | Penolong Jurutera | JA29 | Tetap/Kontrak |
| 7. | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran | U29 | Tetap/Kontrak |
| 8. | Pembantu Penilaian | W17 | Tetap/Kontrak |

**CARA MEMOHON :** Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian ('on-line') menerusi portal rasmi http://www.mppp.gov.my. atau http://eperjawatan.mppp.gov.my mulai **2 Januari 2015.**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 16 Januari 2015

Sebarang kemusykilan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** di talian berikut:- **04-2592115 / 2311 / 2245**

# RM73,000 naiktaraf & turap Jalan Shaik Madar

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **SHUM JIAN WEI**

**AIR ITAM** – Sejumlah RM73,000 diperuntukan bagi pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf dan menurap semula Jalan Shaik Madar di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, inisiatif tersebut merupakan sebahagian projek yang melibatkan 23 batang jalan di Air Itam.



WONG Hon Wai (kiri sekali) menunjukkan jalan yang siap diturap dan dinaiktaraf.



WONG Hon Wai (kanan sekali) menunjukkan contoh teras jalan ketika kerja-kerja ujian teras dijalankan di Jalan Shaik Madar di sini baru-baru ini.

"Sebelum ini, kita (Kerajaan Negeri) telahpun menurap semula Jalan Kampung Bukit Paya, Jalan Kampung Lembah Ria serta beberapa jalan utama dan jalan kampung di Air Itam dengan jumlah kos keseluruhannya RM508,000.

"Jalan Shaik Madar merupakan fasa keempat dan terakhir yang melibatkan kerja-kerja menaiktaraf dan penurapan semula," katanya ketika mengadakan lawatan ke lokasi di sini baru-baru ini.

Menurut Hon Wai, pelaksanaan tersebut adalah termasuk kerja-kerja ujian teras oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi tujuan menjaga kualiti serta spesifikasi telah ditetapkan mengikut kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Setiap jalan dipantau dan diawasi ketat oleh PBT dan saya sendiri memandang serius isu jalan-jalan yang rosak kerana ia melibatkan soal keselamatan serta keselesaan orang awam," ujar beliau yang berharap agar orang ramai dapat memanfaatkan sepenuhnya kemudahan disediakan Kerajaan Negeri dan memeliharanya sebaik mungkin.

# Bantuan harap bantu pelajar belajar selesa & lebih fokus

Gambar : **DANNY OOI**

**TELUK BAHANG** – Seramai 340 pelajar dari 11 kawasan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di sini dipilih untuk menerima bantuan kelengkapan persekolahan melalui Program Kembali ke Sekolah Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid berkata, program berkenaan merupakan inisiatif tanggungjawab sosial Pejabat Penyelaras KADUN dengan kerjasama Pejabat Ketua Menteri dan Pusat Urus Zakat (PUZ) untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan membuat persiapan persekolahan.

"Program ini selaras dengan fokus Kerajaan Negeri yang memberi penekanan terhadap aspek pendidikan supaya pelajar-pelajar ini dapat belajar dengan selesa dan lebih fokus.

"Harapannya adalah supaya suatu hari nanti mereka (pelajar) dapat menjadi modal insan yang berkaliber serta berkemahiran tinggi," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Mohd. Fadzil Kemi, PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Pengerusi serta Ahli Jawatankuasa setiap JKKK di Teluk Bahang.

Setiap pelajar menerima beg sekolah serta baucar tunai untuk membeli pakaian seragam sekolah serta kelengkapan lain.



HALIL Sabri Hamid (tiga dari kanan) menyampaikan bantuan kelengkapan persekolahan kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Mohd. Fadzil Kemi (dua dari kanan) dan Mohd. Tuah Ismail (kanan sekali) pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.

# 39 kanak-kanak sertai khatan perdana Masjid Sg. Gelugor



R.S.N Rayer (barisan belakang, empat dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama golongan kanak-kanak pada Majlis Berkhatan Perdana Qaryah Masjid Sungai Gelugor di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BUKIT GELUGOR** – Seramai 39 kanak-kanak dari kariah Sungai Gelugor tidak melepaskan peluang untuk berkhatan beramai-ramai secara percuma di Masjid Jamek Sungai Gelugor di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Mhd Nasir Yahya berkata, selain percuma, program tersebut turut diselitkan dengan penyampaian sumbangan cenderahati.

"Malah, sumbangan token turut disumbangkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer kepada golongan kanak-kanak terlibat.

"Memandangkan sambutan yang amat menggalakkan, penganjuran yang turut memperoleh usahasama Jawatankuasa Masjid Jamek Sungai Gelugor dan MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) dicadang untuk diadakan pada setiap tahun,'' katanya kepada Buletin Mutiara pada Majlis Berkhatan Perdana Qaryah Masjid Sungai Gelugor di sini baru-baru ini.

# Karnival Rakyat DUN Air Itam meriah, Puma F.C. juara



RAMKARPAL Singh (dua dari kiri) menandatangani plat Karnival Rakyat sebagai simbolik perasmian penganjuran di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**AIR ITAM–** Pasukan Puma F.C. mengungguli kejohanan bola sepak tujuh sebelah kalah mati Piala Y.B. Ramkarpal Singh dan Y.B. Wong Hon Wai selepas berjaya menundukkan empat pasukan lain di sini baru-baru ini.

Kemenangan tersebut membolehkan pasukan Puma F.C. membawa pulang sebuah piala, pingat dan wang tunai.



KEASYIKAN seorang kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam pertandingan mewarna.

Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh ketika ditemui berkata, kejohanan tersebut adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti Karnival Rakyat anjuran bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Masjid Negeri.

"Saya harap pada masa-masa akan datang, orang ramai dapat memberi sokongan terhadap program-program kemasyarakatan sebegini demi menjalin hubungan yang lebih akrab antara pemimpin tempatan dan masyarakat setempat.

"Malah, saya amat teruja dengan jumlah penyertaan dalam Karnival Rakyat kali ini dan berhasrat untuk menjadikan ia acara tahunan di sini," katanya yang turut menunjukkan aksi bermain bola sepak dalam kejohanan berkaitan.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Harvinder Singh, Joseph Ng Soon Siang, Dr. Tan Kim Hooi dan Pengerusi JKKK Jalan Masjid Negeri, Mohamed Farook Ismail.

Selain kejohanan bola sepak, turut diadakan, sesi pendaftaran program-program Emas Kerajaan Negeri, pemeriksaan kesihatan percuma, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak dan golongan kurang upaya (OKU), permainan kanak-kanak dan pameran membabitkan agensi-agensi kerajaan.

Pada masa sama, penyerahan bantuan kelengkapan persekolahan kepada pelajar-pelajar terpilih dan sumbangan makanan serta minuman kepada golongan kurang berkemampuan terpilih Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam turut disempurnakan Ramkarpal.

# Pelajar KADUN Sg. Pinang terima bantuan persekolahan

Gambar: **SHUM JIAN WEI**



LIM Siew Khim (berskaf kuning) merakam gambar kenangan bersama-sama para penerima bantuan persekolahan pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.

**SUNGAI PINANG –** Seramai 370 pelajar dari lapan sekolah dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Pinang menerima bantuan persekolahan berupakan baucar tunai di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) nya, Lim Siew Khim berkata, bantuan yang disumbangkan saban tahun tersebut merupakan salah satu gerak kerja amal dalam membantu keluarga kurang berkemampuan sama ada dari fizikal mahupun perbelanjaan.

"Tahun lalu, kita cuma dapat memberi bantuan kepada 150 pelajar sahaja, tetapi tahun ini, hasil sumbangan dari badan-badan bukan kerajaan dan tajaan orang perseorangan, kita dapat menambah bilangan penerima.

"Saya harap dengan bantuan persekolahan ini, ia dapat meringankan bebanan ditanggung oleh ibu bapa dan berharap ia dapat dimafaatkan sepenuhnya oleh para penerima," katanya kepada pemberita sejurus selesai majlis penyampaian bantuan di Pusat Aktiviti KADUN Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Selain penyampaian bantuan, turut diadakan sesi memotong rambut percuma sebagai persediaan untuk pelajar memulakan sesi baharu 2015 nanti.



SEORANG kanak-kanak ketawa melihat aksi rakannya yang telah siap dipotong rambut. Turut kelihatan Lim Siew Khim (berdiri, dua dari kiri).



ZAIRIL Khir Johari (berbaju putih) dan Lee Chun Kit (berbaju merah) bergambar kenangan bersama-sama para penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kelengkapan Sekolah di sini baru-baru ini.

# Harap sumbangan suntik semangat belajar

**PULAU TIKUS –** Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Lee Chun Kit memperuntukkan 194 set kelengkapan persekolahan bagi disumbangkan kepada golongan pelajar memerlukan sebagai persediaan sesi persekolahan baharu Januari 2015 di sini.

Zairil ketika ditemui berkata, sebanyak 153 set diperuntukan kepada pelajar-pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan, pelajar-pelajar terpilih daripada Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan (20 set) dan bakinya kepada dua rumah anak-anak yatim terpilih iaitu Rumah Ru Yi dan *Penang Shan Children's Home*.

"Sumbangan kelengkapan persekolahan ini dilihat sebagai sebahagian daripada inisiatif kami untuk membantu pelajar-pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan.

"Jangan jadikan istilah kurang berkemampuan sebagai alasan untuk tidak berjaya, sebaliknya mereka yang dibangku sekolah perlu cekal serta berusaha keras untuk membawa nasib keluarga ke arah yang lebih baik pada masa hadapan," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kelengkapan Sekolah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Padang Lada, Geoffrey Gan.

Dalam pada itu, bagi Chun Kit, beliau berharap agar sumbangan tersebut menyuntik semangat pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh dan mencapai kejayaan bukan sahaja dalam pelajaran, tetapi juga kehidupan.

"Sejumlah RM10,770 dibelanjakan bagi membeli kelengkapan persekolahan termasuk pakaian seragam sekolah dan kelengkapan menulis," ujar beliau.


PENANG TRADE EVENTS 2015
حلال
PIHEC2015
Ekspo & Persidangan
HALAL
ANTARABANGSA KALI KE -6
30 JAN - 1 FEB
10 PG - 8 MLM
SPICE ( PISA)
SEGALANYA DIBAWAH SATU ARENA
LEBIH 300 TAPAK JUALAN & PAMERAN
MASUK PERCUMA
EKSPO HALAL ANTARABANGSA
WORLD CURRY FESTIVAL
"WORLD CURRY FESTIVAL"
HALAL INVESTMENT
PERSIDANGAN HALAL
"PENANG HALAL CHEF CHALLENGE"
SESI PADANAN PERNIAGAAN
BENGKEL USAHAWAN
Disokong Oleh :
TOURISM MALAYSIA
investPenang
Penang
HDC
Penaja :
EASTIN HOTEL PENANG
Rakan Media :
DagangHalal.com
Anjuran :
PIHH DEVELOPMENT SDN. BHD. (HALAL PENANG)
Level 44, KOMTAR, 10503, Penang, Malaysia
T: +604 262 5444 F: +604 263 5444
E: pihec@halalpenang.com
PIHH HALAL PENANG
UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA LAYARI
www.pihec.com.my